

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI RABU
11 RAMADAN 1446
BERSAMAAN 12 MAC 2025
(HARI KESEPULUH)**

DEWAN MAJLIS

Hari Rabu, 11 Ramadan 1446 / 12 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.
Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei

Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail, Pemangku Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kesepuluh pada hari ini, Rabu, 11 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 12 Mac 2025 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat, Imam Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala

kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul lagi pada pagi ini untuk bersidang bagi hari kesepuluh dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan hari ini dengan Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Waktu pertanyaan bagi Jawab Lisan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Waktu pertanyaan hari ini, saya mulakan dengan soalan pertama iaitu dari Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: (*Merujuk kepada microphone*) Marak sudah ni tadi..Ani baru tia mati pulang. Dari jauh masa kaola masuk pun sudah marak. Cuba-cuba matikan nada ani jua. Dah.. dah.Alhamdulillah, mudah-mudahan suara kaola dapat didengar. Syukur alhamdulillah.

Kaola mengucapkan terima kasih di atas laluan yang Yang Berhormat Yang Di-Pertua berikan untuk pagi-pagi awal, pagi-pagi ani kepada kaola. Kaola kalau dari segi Perintah Harian ani melihat ada

tiga soalan bejanjar ni. Bejanjar maknanya dari satu dua dan yang ketiga. Jadi kaola takaduhung jua sudah berdiri Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menjawab ketiga-tiga soalan ani setelah satu demi satu dalam semasa kaola sekali berdiri saja kalau diizinkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Maksud Yang Berhormat Pehin, soalan yang pertama dan soalan yang kedua?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Dan yang ketiga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Dan yang ketiga. Soalan yang kedua ialah juga daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa dan yang ketiga adalah daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengemukakan soalan pertama berhubung dengan apa yang dikatakannya adakah kementerian mempunyai perancangan untuk memastikan imam, untuk yang memastikan imam dan bilal dilengkapi dengan pengetahuan mengenai Peraturan Kewangan, kemampuan untuk berinteraksi secara efektif dengan jemaah-jemaah dan kemahiran asas pertolongan cemas.

Bagi soalan ini kaola ingin menjelaskan bahawa Jabatan Hal Ehwal Masjid secara

berterusan adalah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai masjid termasuklah antaranya pertama taklimat dan bengkel berterusan mengenai peraturan kewangan dengan kerjasama Unit Kewangan Tabung Masjid dan Audit Dalaman Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pegawai masjid yang baru dilantik juga pun diberikan taklimat sebelum diaturnya bertugas di masjid-masjid;

Yang kedua, ialah bengkel pertolongan cemas telah pernah dilaksanakan beberapa tahun yang lalu tahun 2022 dan memanglah rancangan itu lama sudah ada di apa diulangi tetapi insya-Allah kerana melihat kepada kepentingannya dan kalau kesediaan jua pihak-pihak yang akan diberikan latihan itu, maka insya-Allah Jabatan Hal Ehwal Masjid akan meneruskan rancangan ini bukan sahaja bagi sebuah dua buah masjid tetapi seboleh-bolehnya ialah keseluruhan masjid-masjid di kawasan-kawasan yang strategik;

Yang ketiga, ialah termasuklah apa yang dinamakannya *Fire Marshall* iaitu dengan latihan Bengkel *Fire Marshall* dengan kerjasama HSSE Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pasukan Bomba dan Penyelamat, semua berkolaborasi untuk tujuan ini. Jadi bengkel ini, ia akan di Jame' 'Asr Hassanl Bolkih dan juga di Balai Bomba Penyelamat Airport Lama;

Yang keempat, ialah latihan penyampaian ceramah berkesan secara berterusan dilaksanakan oleh Bahagian Bimbingan dan Latihan, Jabatan Hal Ehwal Masjid iaitu dengan mengaturkan

pegawai-pegawai masjid untuk mengikut latihan *in-house training* kendalian Institut Perkhidmatan Awam dan Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Hal Ehwal Ugama seperti bengkel kepimpinan, kursus mengendalikan mesyuarat dan penyampaian cemerlang dan lain-lain lagi.

Yang ke antaranya lagi, menjalin kerjasama bersama pihak RTB dan mengaturkan pegawai masjid yang berpotensi bagi diberikan pendedahan untuk menyampaikan ceramah, forum dan tazkirah. Ada juga usaha-usaha berupa bahagian bimbingan dan latihan, memberikan bimbingan berterusan kepada pegawai-pegawai masjid untuk meningkatkan kompetensi dan kredibiliti pegawai-pegawai masjid. Jadi ini termasuklah dalam erti kata seni perhubungan awam, *public relations* dengan orang ramai.

Jadi untuk langkah ke hadapan, Jabatan Hal Ehwal Masjid merancang program-program kerjasama dengan KUPUSB, ah ini satu lagi yang sangat menarik yang diusahakan inisiatif baharu iaitu untuk mewujudkan program-program *upskilling* dan peningkatan kompetensi pegawai-pegawai masjid secara teratur dan bersistematik, insya-Allah. Itu jawapan ke atas soalan yang pertama.

Soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin ialah menanyakan jika kementerian mempunyai perancangan untuk menangani isu prestasi mata pelajaran Al-Quran dan Amali Ugama yang dirasakan agak membimbangkan

terutamanya setelah Sistem Pengintegrasian dikenalkan di sekolah-sekolah.

Dalam menjawab soalan ini, Kaola ingin menyatakan bahawa mengenai kedua-dua mata pelajaran ini terutama sekali mata pelajaran Al-Quran dan Amali Ugama, terutama sekali mata pelajaran Al-Quran. Sebelum pun ada sistem integrasi diperkenalkan oleh anak-anak dari darjah empat hingga darjah enam, ah darjah lima memang sudah ada bukan sungutan ah, ada kedengaran dalam kalangan ramai ibu bapa bukan sungutan, ramai ibu bapa bahawa anak-anak mereka lambat pandai membaca Al-Quran dan lambat jua untuk melakukan amalan-amalan keugamaan. Jadi di sana bukan maknanya suatu yang merosot daripada yang dijangkakan lambat atu.

Jadi Kementerian Hal Ehwal Ugama melihat perkara ani dalam respon ah yang sebaik-baiknya lambat atu ertinya mungkin ada cara-cara pengajaran yang diperlukan ah, cara penyampaian pelajaran maka di sanalah dibaiki. Setelah pengintegrasian, makin suara ani nyaring tapi alhamdulillah Yang Berhormat Yang Di-Pertua kitani di Brunei ani bukan sahaja mendapati anak-anak atau anak cucu atu lambat pandai tetapi kalau pun ia sudah pandai, ia mau lagi peningkatan.

Jadi kerana atulah baik lambat pandai atau meningkatkan, orang ramai ibu bapa mengambil inisiatif terutama menghantar anaknya ani belajar lagi di masjid setiap hari Jumaat.

Yang kedua, ada lagi yang mengambil guru-guru ke rumahnya atau menghantar lagi ke

rumah-rumah guru. Jadi semua ani adalah usaha bersama antara kitani pihak kerajaan dengan orang ramai dalam mengatasi masalah ani. Kalau dilihat dari segi integrasi, memang apakah ini disebabkan faktor *period* ah yang inda mencukupi kerana ataupun jam belajar sepatutnya satu jam, kalau sebelumnya sebelum integrasi satu jam setengah Kaola difahamkan tetapi setelah integrasi cuma satu jam. Dan mengikut komponen komponennya ah iaitu kalaulah bagi kanak-kanak darjah dua, Tahun 2 lah, ia terdapat dalam kumpulan Pendidikan Islam atu ada 7 komponen, Tahun 2 belajar Al-Quran selama empat jam seminggu sahaja berbanding dengan dahulu, lebih, kemudian amali ugama sebanyak 2 jam seminggu sahaja.

Jadi kalau dari segi aspek ini mungkin ada perkara yang patut diatasi, insya-Allah abiskaola akan melihat mengatasinya. Kalau mengatasi dengan cara-cara yang akan kaola nyatakan disini mungkin perkara atu rutin ataupun suatu rancangan yang biasa dilakukan oleh JPI bagi peningkatan guru-guru dan peningkatan cara-cara dan sebagainya. Tapi bagi Tahun 4, Tahun 4 walaupun sama tu Tahun 2, Tahun 4, Tahun 3, Tahun 2, Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 kesemuanya itu komponennya adalah sepuluh-sepuluh ah apa namanya ni 7, 8 atau apa namanya tu waktu jumlah mata pelajaran adalah 10 jam seminggu tetapi berlainan mengikut peringkat tahunnya,

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ada yang 2 jam, bagi Al-Quran sebanyak 4 jam, bagi Amal Ibadat sebanyak 2 jam bagi Tahun 2, bagi Tahun 3 bagi pelajaran Al-Quran 4 jam juga, dan bagi Amalan Agama 2 jam. Sesudah itu, masuk ke Tahun 4 pelajaran Al-Quran masih tetap juga 4 jam, Tahun 5 pun 4 jam, tetapi amalan agama sudah turun 1 jam 1 jam.

Jadi kalau sudah di sini perkaranya lebih lanjutlah untuk difikirkan apakah kesan-kesan daripada kekurangan tempoh pembelajaran di dalam kelas-kelas yang dikurangkan daripada masa persekolahan ugama sebelum integrasi menjadi sedemikian atau bagaimana.

Bagaimanapun, kalau ingin memetik keterangan-keterangan ah, jangan pulang kitani mengambil kesimpulan integrasi itu telah menyebabkan pembelajaran ugama merosot sampai membimbangkan. Bukan. Kemerosotan itu dapat diukur pada keseluruhannya Pendidikan Ugama, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pendidikan Ugama kalau dikira daripada hasil peperiksaan yang telah dilakukan bagi semua, ini bagi keseluruhan mata pelajaran pendidikan ugama, Yang Berhormat Yang Di-Pertua ah. Bagi Tahun 2, yang lulus A sampai C ada 92.8% bagi Tahun 3 yang lulus ialah 86.6%, Tahun 4 81.4%, Tahun 5 81.6% keseluruhannya adalah 85%. Jadi kalau dikira pada keseluruhannya peratusnya masih tinggi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Tapi kitani melihat pada peratusan keseluruhan, macam tadi

soalan ini dari segi 2 mata pelajaran sedikit membimbangkan, inda menyabut merosot tapi membimbangkan ibu bapa. Maka abiskaola akan melihat sebenar-benarnya lagi dengan teliti perkara ini iaitu abis kaola bukan saja Kementerian Hal Ehwal Ugama kerana untuk menangani integrasi ini pelaksanaannya adalah bersama dengan Kementerian Pendidikan.

Latihan Profesional Guru memang diteruskan, pengemaskinian kurikulum Pendidikan Islam ini penting diantaranya untuk mengatasi sebagaimana macam mana pemberian *period*, macam mana isi pelajaran itu sendiri dan Program Sokongan Pelajar. Program seperti Sembahyang Fardhu Zohor Berjemaah, Bimbingan Solat Bilal dan Imam Celik dan sebagainya.

Ada satu laporan yang abis kaola terima Yang Berhormat Yang Di-Pertua oleh kerana dalam sistem ini inda menyempatkan setengah-setengah sekolah ataupun yang belum menjalankan sistem ini inda menyempatkan untuk mereka untuk berjemaah sembahyang pada waktu Zohor tetapi melakukan berjemaah itu pada waktu Dhuha. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pagi-pagi, Dhuha dan ini sebutkan ada di sekolah cina, Sekolah Chung Hwa. Jadi kaola baibun-baibun Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Dhuhanya itu doanya itu mengenai rezeki saja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jadi inda hairan di sekolah sana lah sedia untung-untung...Yang Berhormat Lau How Teck lah kali faham mengenai perkara ini.

Jadi itulah yang kaola dapat terangkan mengenai perkara yang membimbangkan ani, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jadi bukan pula angka-angka ani secara *defensive* abiskaola mengemukakan angka ani tapi anilah sebenarnya dan kalau di mana ada keperluan, memang ada keperluan untuk menelitinya abis kaola akan terus meneliti.

Soalan yang seterusnya adalah datang daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin yang meminta supaya dinyatakan dasar yang perlu dikenalkan untuk memastikan graduan-graduan tempatan dan berkelulusan ugama dan berpengetahuan bahasa Arab yang belum dimanfaatkan sepenuhnya untuk dilatih dan diiktiraf sebagai mutawwif dan pengiring. Ini memandangkan Industri Haji dan Umrah semakin berkembang.

Jadi adakah dasar memwajibkan agen-agen pelancongan menggunakan perkhidmatan terlatih dan bertauliah. Jadi pada menjawabnya, kaola sukacita menyatakan bahawa pada 10 haribulan Disember akhir tahun yang lepas, satu perjumpaan di antara KUPUSB dengan agensi-agensi pelancongan dan yang menjalankan operasi Haji dan Umrah diadakan di KUPUSB. Seramai 40 pegawai dari 26 syarikat operator haji dan umrah menyertai perundingan tersebut.

Jadi dalam tinjauannya, perbincangan adalah untuk menyampaikan hasrat Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui

KUPUSB untuk menjadi Pusat Penyedia Khidmat Khusus Haji dan Umrah KUPUSB. Jadi disampaikan kepada mereka sesuai dengan apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Mereka sangat positif, menyambut baik usaha ini. Jadi kerana itu, sebagai langkah lanjut pihak KUPUSB sedang dalam proses menyediakan kurikulumnya yang bersesuaian dan menyusun struktur program baharu yang dinamakan Program Sijil Latihan Profesional Haji dan Umrah.

Seterusnya KUPUSB akan memastikan jangan saja dibuat-buat macam ani tapi program itu mestilah mendapat pengiktirafan. Jadi mesti akan memprogram ini akan diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, MKPK dan insya-Allah akan menjadi sijil nilai tambah yakni *value added qualification* kepada kelulusan-kelulusan yang sedia ada di KUPUSB selain mendapat kelulusan tetapi ani penting sebelum mendapatkan kelulusan latihan dan diiktiraf sijil tersebut tetapi untuk mengenai perkara ugama ani ibadat ani mestilah juga mendapat kelulusan dan tauliah daripada Majlis Ugama Islam. Jadi sudah dapat menjawab sebahagian besar daripada yang disoalankan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Momin.

Jadi program ini dijangka akan ditawarkan pada Semester Satu, Sesi Akademik 2025/2026 dengan sasaran pelajar terdiri daripada graduan KUPUSB, graduan ni yang belum berkerja dan

sebagai atau yang sudah berkerja sambilan dan orang ramai jua. Orang ramai, kalau ada memenuhi syarat-syaratnya. Jadi perlu dijelaskan bahawa program ini tidak bertujuan untuk melahirkan mutawwif atau mutawwifah yang menguruskan logistik Jemaah seperti mengatur perjalanan, penginapan, mengurus visa, passport ataupun memantau pegerakan.

Program ini bertujuan untuk melahirkan Pegawai Pengiring Haji dan Umrah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan yang akan membimbing jemaah di tanah suci agar mereka dapat menyempurnakan ibadah dengan bersepatutnya.

Selain itu, bagi mengajar agama di Negara Brunei sepertimana yang diterangkan tadi memerlukan tauliah dari Majlis Ugama Islam. Kaola memohon hamper kan lebih seminit, jadi kaola menyatakan bahawa bukan saja maknanya walaupun bukan untuk mengurus, takdirnya mereka ini menjadi kakitangan, orang bekelulusan agama ini menjadi pekerja tetap kepada agensi-agensi pelancongan, mereka boleh melakukan sekali gus dan yang penting mereka bukan saja berlatih di sini tetapi mesti mempunyai pengalaman melaksanakan ibadat-ibadat terutama masa haji dan masa umrah.

Sekian, kaola mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas laluan. Terima kasih dan kaola ingin mengucapkan selamat berpuasa dan mengambil sempena itu kitani teruskanlah walaupun doa ani doa dibaca

semasa kitani bertarawih tetapi anda salah kalau kitani membaca setiap waktu yang terkenang.

(Doa dibaca)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kita beralih sekarang kepada soalan yang keempat, iaitu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Chong Chin Yee di atas soalan mengenai bimbingan kerjaya untuk pelajar-pelajar seawal usia peringkat rendah.

Untuk makluman bersama, usia peringkat rendah dalam konteks persekolahan adalah bermula seawal 5 tahun sehingga 12 tahun. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pengenalan kepada konsep kerjaya telah pun dimasukkan dalam perisian kurikulum seawal di peringkat sekolah rendah.

Persoalan tentang apa itu pekerjaan, jenis pekerjaan yang sering mereka lihat seperti kerjaya sebagai seorang doktor, askar, guru dan tentang apa yang dikerjakan oleh satu-satu pekerjaan itu serta persoalan mengenai cita-cita mereka apabila menginjak usia dewasa juga sering ditanyakan seawal peringkat sekolah rendah. Proses pembelajaran yang menyebabkan perubahan dalam pengetahuan terhasil dari beberapa faktor yang mempengaruhinya. Ini termasuklah antara lain pengalaman pelajar, pengulangan, penyertaan, minat dan motivasi.

Oleh yang demikian, dalam membina dan memperkukuhkan pemahaman kanak-kanak mengenai konsep pekerjaan, mereka akan didedahkan melalui pelbagai mata pelajaran seperti Bahasa Inggeris dan jua Bahasa Melayu. Ini dilakukan melalui alat-alat bantu mengajar seperti kad kilat, gambar dan sebagainya serta jua melalui lawatan sekolah ke tempat-tempat pekerjaan yang diajarkan. Terdapat juga sekolah-sekolah rendah yang mengadakan aktiviti Hari Kerjaya bagi mendedahkan pelajar mengenai kerjaya-kerjaya di masa depan.

Selain memahami dan menimbulkan minat dengan pekerjaan, kanak-kanak diberikan penekanan berterusan tentang penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira atau pun matematik untuk mencapai cita-cita mereka. Dari segi kurikulum pendidikan, konsep pekerjaan diperkenalkan melalui peringkat pembelajaran dengan

mengambil kira keluasan, kedalaman serta kesesuaiannya mengikut peringkat umur pelajar.

Sebagai contoh, dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 1, 2 dan 3, kanak-kanak diperkenalkan kepada pekerjaan seperti anggota bomba, polis, jururawat, doktor, hakim, pekebun dan penternak. Apabila mereka berada di Tahun 4 mereka akan diperkenalkan kepada kerjaya sebagai usahawan atau konsep jual beli.

Bimbingan kerjaya di peringkat sekolah rendah diperkukuhkan lagi dengan pendedahan pelajar kepada pelbagai trend pasaran kerja yang semakin berkembang termasuk memperkenalkan kanak-kanak kepada konsep asas jual beli, mencipta idea atau keusahawanan.

Antara langkah-langkah tersebut termasuklah pendedahan awal melalui program keusahawanan dan kokurikulum, penyediaan bahan visual untuk kesedaran kerjaya, pembangunan kurikulum dan bimbingan kerjaya berstruktur dan penggunaan teknologi dan pendekatan interaktif.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan akan sentiasa mengutamakan inisiatif yang menyeluruh dalam memperkukuhkan kesedaran dan persediaan awal pelajar terhadap dunia pekerjaan yang dinamik dan kompetitif.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee lagi, apakah Kementerian Pendidikan akan

mempertimbangkan menyediakan bahan visual seperti video pendidikan dan infografik bagi meningkatkan kesedaran kerjaya?

Kementerian Pendidikan melalui *Education Technology Unit* atau *EduTech* akan terus membina video-video pendidikan dan infografik mengikut konsep pembelajaran atau secara merentas kurikulum. Sebagai contoh satu *e-book* yang telah dikeluarkan oleh unit *EduTech* yang bertajuk *What I Want to Be When I Grow Up?* khusus bagi pelajar Tahun 1 hingga Tahun 3.

Demikian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kelima, iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan ditujukan juga kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya persilakan yang terhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin atas soalan PL55 mengenai dengan perkhidmatan CfBT. Bermula Januari 2024, Kementerian Pendidikan telah pun memperbaharui kontrak perkhidmatan guru-guru CfBT seramai 200 orang bagi tempoh 3 tahun.

Sepertimana lazimnya mereka telah pun ditempatkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah, maktab-maktab dan pusat-pusat Tingkatan 6 kerajaan untuk mengajar mata pelajaran dan *literacy* Bahasa Inggeris.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat mengenai strategi Kementerian Pendidikan bagi pengurangan kebergantungan kepada perkhidmatan guru-guru CfBT, alhamdulillah beberapa sesi perbincangan awal bersama pihak-pihak berkepentingan termasuk CfBT telah pun diadakan sebagai persediaan mengenai jumlah pengambilan guru CfBT dan dalam kontrak akan datang. Di sini, kaola/saya tidak akan menghuraikan dengan lebih lanjut memandangkan ia masih dalam peringkat awal perbincangan.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin:

Terima kasih atas penerangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Satu soalan saja kali Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memahami akan keperluan untuk mendatangkan pakar untuk perkara yang *english* atau *maths* tapi yang musykilnya bagi kaola adakah ia sebagai *single source*? Adakah alternatif yang boleh dapat pihak kementerian memikirkan selain daripada

yang satu *source* yang sudah berada di Brunei dalam 4 dekad. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Adakah maksud Yang Berhormat itu tadi selain daripada CfBT, ada *provider* lain selain daripada CfBT?

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Yang dapat *provide the same services*.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Okay. Memang kitani ada menawarkan beberapa tahun yang lalu Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga Yang Berhormat kitani pernah ada membuat satu program *Literacy, Numeracy Programme, Coaching Programme, LNCP* dan di sana kitani telah membukakan kepada mana-mana *contract* ataupun *provider* di seluruh dunia dan di sana memang ada *assessment* dan bebalik jua rasanya *during that time* yang terbaik adalah *provider* yang ditawarkan oleh *EduTrust* atau pun *local contextnya* CfBT, tapi insya-Allah, kitani akan terus meneroka *provider-provider* lain jua selain daripada CfBT. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Soalan yang keenam daripada Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Silakan Yang Berhormat Dato.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub atas soalan yang dibangkitkan mengenai dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pembangunan bagi mengurangkan risiko kemalangan di Lebuhraya Muara – Tutong khususnya persimpangan menuju ke Binturan Kem.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berdasarkan kepada data dan rekod yang diperolehi terdapat beberapa lokasi yang dikenal pasti oleh Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya yang dikenali sebagai kawasan sering berlakunya kemalangan. Kementerian Pembangunan mengambil perhatian yang serius ke atas lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti dengan merangka langkah-langkah pencegahan risiko kemalangan.

Berdasarkan data yang diperolehi juga, sebanyak 36 kemalangan telah direkodkan di sekitar persimpangan menuju ke Binturan Kem dan Jalan Bukit Panggal dari pertengahan tahun 2020 hingga awal tahun 2025 iaitu dalam masa tempoh lima tahun kebelakangan.

Jadi secara purata, ini bermakna sekitar 7 hingga 8 kemalangan berlaku dalam setahun di lokasi ini. Dari jumlah tersebut, 22 kes melibatkan kerosakan

harta benda, manakala lebih dua pertiga dari kemalangan melibatkan kenderaan sendiri, *self-accidents*. Daripada jumlah ani jua didapati ada telah mengakibatkan 6 cedera ringan dan 1 cedera yang serius.

Kementerian ini juga telah mengenal pasti dua lokasi utama di kawasan ini yang berisiko tinggi iaitu pusingan kanan yang bersambung ke Jalan Binturan dan pusingan-U yang bersambung ke Jalan Bukit Panggal. Walaupun kedua-dua persimpangan ini telah dilengkapi dengan tanda jalan dan penghadang keselamatan, masih terdapat kekurangan papan tanda amaran awal yang jelas terutama pada waktu malam. Di samping itu reka bentuk pusing-U dan susur masuk yang sedia ada, berpotensi mengganggu kelancaran aliran trafik lebuhraya di kawasan ini.

Maka sebagai langkah segera yang diambil oleh Jabatan Jalan Raya, satu inisiatif jangka pendek bagi meningkatkan kesedaran keselamatan di kawasan ini, antaranya ialah pemasangan papan tanda keselamatan reflektif di kedua-dua persimpangan sebagai amaran kepada pemandu khususnya pada waktu malam.

Selain itu tanda jalan dan *rumble strips* akan dicat semula dengan lebih jelas sebagai peringatan kepada pengguna jalan raya agar dapat memperlahankan kenderaan apabila menghampiri kawasan-kawasan ini.

Dalam jangka panjang, Jabatan Jalan Raya dalam usaha bersepadu bersama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya untuk menjalankan penilaian keselamatan trafik secara berterusan. Ini bertujuan untuk membuat kajian dan menilai keperluan untuk menambah baik reka bentuk simpang, menambah laluan alternatif atau melaksanakan perubahan lain yang lebih signifikan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan pengguna jalan raya di kawasan ini dan juga kawasan-kawasan risiko yang lain.

Itulah jawapan kaola Yang Berhormat Pehin. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ketujuh daripada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan dan yang telahpun ditujukan juga kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan mengenai dengan pendekatan *whole of government* bagi memastikan agensi berkaitan berfungsi secara selaras dalam isu penyelenggaraan jalan dan longkang.

Sukacita disampaikan sejak tahun 2018, isu kebersihan di Negara Brunei Darussalam telah diambil tindakan bersepadu bersama dengan peranan aktif tiga kementerian dengan penubuhan Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan. Jawatankuasa induk ini diterajui bersama dengan peranan tiga

Kementerian, dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Melalui pendekatan *whole of government*, Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan bertanggungjawab dalam menetapkan dasar kebersihan negara, merangka strategi kebangsaan serta memantau pelaksanaan inisiatif kebersihan.

Selaras dengan objektifnya, jawatankuasa ini turut menekankan tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan alam sekitar seperti pembuangan sampah secara haram. Jawatankuasa Induk ini juga menitikberatkan pembaikan dan meningkatkan penjagaan kebersihan, kemudahan dan fasiliti awam termasuk tandas awam di bangunan komersial serta premis awam serta bangunan-bangunan kerajaan dan swasta termasuk institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah di negara ini agar *standard* kebersihan dipatuhi.

Ke arah ini, peranan setiap kementerian dan agensi yang berkaitan ditentukan secara jelas dalam memastikan kebersihan negara terjaga. Penyelarasan ini bukan sahaja mengelakkan pertindihan tugas tetapi juga meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan kebersihan di seluruh negara.

Tugas-tugas diagihkan dengan sistematik antara agensi-agensi berkaitan melalui tiga kumpulan petindak

utama, masing-masing diterajui oleh kementerian-kementerian berkenaan yang bertanggungjawab terhadap aspek-aspek berbeza dalam pengurusan kebersihan yang disebutkan. Di antaranya ialah:

Pertama, Kumpulan Petindak Penambahbaikan Kemudahan dan Fasiliti Perkhidmatan Kebersihan. Kumpulan ini diterajui oleh Kementerian Pembangunan dan bertanggungjawab terhadap penambahbaikan dan penyelenggaraan infrastruktur kebersihan serta perkhidmatan berkaitan. Ini termasuk meningkatkan sistem pengurusan sampah, penyelenggaraan jalan dan longkang secara konsisten serta penggunaan info-teknologi untuk memantau status dan tindakan kebersihan awam.;

Kedua, Kumpulan Petindak Perundangan dan Penguatkuasaan. Kumpulan ini diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan memberi tumpuan kepada pengukuhan undang-undang kebersihan, menyelaraskan operasi penguatkuasaan serta memastikan tindakan tegas diambil terhadap kesalahan kebersihan bagi memastikan setiap peraturan kebersihan dikuatkuasakan secara konsisten dan berkesan.;

Ketiga, Kumpulan Petindak Kesedaran dan Penglibatan Pihak Berkepentingan. Kumpulan ini diterajui oleh Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran awam serta

penglibatan masyarakat dalam usaha kebersihan.

Kumpulan ini menjalankan kempen kesedaran tentang pentingnya kebersihan yang memberi impak kepada kesihatan awam, program Pendidikan di sekolah dan kerjasama dengan NGO, syarikat swasta, Majlis Perundingan Mukim, Majlis Perundingan Kampung dalam aktiviti sosial. Matlamat utama adalah memastikan masyarakat secara aktif menyumbang kepada tindakan kebersihan persekitaran.

Ketiga-tiga kumpulan petindak yang disebutkan ini bekerjasama di bawah pemantauan Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan, memastikan semua aspek kebersihan iaitu prasarana, perundangan, dan kesedaran awam diberikan perhatian secara seimbang dan bersepadu serta saling melengkapi antara satu sama yang lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam aspek penguatkuasaan undang-undang tahun 2023 telah mencatatkan sebanyak 442 kes kesalahan pembuangan sampah haram dan berkaitan kebersihan telah diambil tindakan di seluruh negara. Daripada jumlah kes tersebut, 201 melibatkan individu persendirian manakala 241 melibatkan syarikat atau organisasi.

Kutipan denda bagi kesalahan-kesalahan tersebut berjumlah kira-kira \$229,300.00 pada tahun 2023 hasil daripada kompaun yang dikenakan ke arah individu persendirian dan jua syarikat-syarikat.

Manakala pada tahun 2024, penguatkuasaan ditingkatkan lagi dengan 522 kes dicatatkan di seluruh negara. Daripada jumlah kes tersebut, 344 kes melibatkan individu persendirian manakala 184 kes melibatkan syarikat atau organisasi. Jumlah denda yang berjaya dikutip hasil tindakan penguatkuasaan pada tahun 2024 telah meningkat kepada \$272,900.00.

Tindakan tegas ini diambil di bawah peruntukan Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021, Penggal 30 yang mengawal perbuatan membuang sampah merata tempat, membuang sisa pepejal di kawasan awam, dan lain-lain pelanggaran berkaitan kebersihan.

Di samping penguatkuasaan terhadap kesalahan pembuangan sampah secara haram, tumpuan turut diberikan kepada kebersihan tandas awam terutamanya di bangunan-bangunan kerajaan dan komersial. Satu sistem pemantauan dan penggredan tandas awam telah diperkenalkan di mana tahap kebersihan setiap tandas akan dinilai secara berkala. Tandas-tandas ini diberi gred, contohnya A, B, atau C, berdasarkan kriteria seperti kebersihan ruang tandas, kelengkapan asas yang disediakan dan kekerapan penyelenggaraan. Inilah di antara peranan yang diambil oleh Jawatankuasa Induk Kebersihan yang diterajui oleh tiga kementerian yang disebutkan tadi.

Selain itu, usaha sedang dilakukan untuk menggubal peraturan baharu yang lebih khusus bagi menangani isu kebersihan dan *vandalisme* tandas awam. Sebagai

contoh, cadangan perundangan menetapkan penalti minima bagi perbuatan merosakkan atau mencuri kelengkapan tandas. Inisiatif-inisiatif terkini ini masih dalam proses pelaksanaan dan dipantau rapi oleh Jawatankuasa Induk Isu-lsu Kebersihan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua secara keseluruhannya, insya-Allah, melalui pendekatan-pendekatan yang diselaras-kan melalui jawatankuasa induk ini, semua usaha kebersihan dapat dijalankan secara sistematik dan bersepadu dan tidak ada timbul isu-isu pertindihan inisiatif yang telah dapat dielakkan melalui kepimpinan jawatankuasa ini yang digabungkan secara strategik untuk mencapai objektif kebersihan dalam negara dengan lebih tersusun dan berkesan.

Itulah jawapan kaola, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Soalan yang kelapan iaitu soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam dan ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya persilakan Yang Berhormat Dato.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Pada menjawab soalan PL34, terlebih dahulu dikongsikan bahawa Negara Brunei

Darussalam pada bulan Januari 2025 yang lalu telah mengalami musim *monsoon* Timur Laut dengan purata hujan yang tinggi iaitu berdasarkan kepada maklumat daripada Jabatan Kajicuaca mana pada bulan Januari 2025 sebanyak 400.7 milimeter jumlah turunan hujan berbanding pada Januari 2024 iaitu sebanyak 393 milimeter.

Dalam hubungan ini pada menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam, operasi tindak balas dalam menangani bencana atau sebarang kejadian yang diguna pakai ketika ini adalah berpandukan kepada *National Standard Operating Procedure, NASOP*.

Alhamdulillah, sehingga ini pengkerahan aset-aset dan bantuan-bantuan daripada agensi-agensi berkenaan berjalan dengan lancar dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan bagi memastikan operasi tindak balas dapat dilaksanakan dengan teratur, cepat dan berkesan.

Pendekatan ini juga telah digunakan semasa menangani insiden yang berlaku baru-baru ini. Dalam memastikan kelancaran pemberian bantuan, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, *NDMC* bekerjasama rapat dengan Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, syarikat-syarikat swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, *NGOs* termasuk sukarelawan bagi memastikan pengagihan dan penghantaran bantuan

serta catuan makanan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sukacita kaola maklumkan bahawa projek menaik paras dan menaik taraf jalan raya yang melibatkan 22 lokasi iaitu di Daerah Belait 10 lokasi, di Daerah Tutong 9 lokasi dan di Daerah Temburong 3 lokasi yang telah dan sedang dilaksanakan sejak tahun 2023 melalui kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang bertujuan untuk meningkatkan aksesibiliti, mengurangkan risiko terputus hubungan semasa bencana, memastikan penduduk kampung masih dapat bergerak dan penghantaran dapat dilaksanakan dengan lancar. Daripada 22 lokasi tersebut, 19 lokasi telah selesai dinaik paras dan dinaik taraf manakala 3 lokasi di Daerah Belait dan di Daerah Tutong akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Alhamdulillah, jalan-jalan raya yang telah dinaik paras dan dinaik taraf tidak lagi mengalami banjir. Dengan penaikan paras jalan-jalan raya ini juga terdapat pengurangan yang ketara dalam rumah yang terjejas dan pengagihan catuan makanan masa kebanjiran baru-baru ini di kawasan pedalaman Daerah Tutong yang mana sebanyak 198 buah rumah telah terjejas banjir dan hanya 183 bantuan catuan makanan yang perlu diagihkan berbanding 391 buah terjejas dengan pengagihan sebanyak 304 catuan makanan pada tahun 2023. Penurunan keperluan pengagihan catuan ini jelas membuktikan keberkesanan menaik projek paras jalan dan menaik

taraf jalan-jalan raya ini yang mana ianya bukan saja meningkatkan aksesibiliti semasa bencana tetapi juga membolehkan penduduk-penduduk yang terjejas meneruskan aktiviti harian mereka dan mendapatkan keperluan asasi mereka.

Insyallah pihak kerajaan akan sentiasa memantau perkara ini bagi memastikan tindakan jangka panjang dapat dilaksanakan demi untuk memberikan kesejahteraan kepada penduduk kampung yang terjejas.

Selain daripada menaik paras dan menaik taraf jalan raya yang sebelum ini sering dilanda banjir, inisiatif-inisiatif lain termasuk membersihkan dan meluaskan sistem saliran di sepanjang jalan tersebut. Tindakan ini bukan sekadar penyelesaian teknikal akan tetapi merupakan pendekatan holistik yang menyasarkan kepada meningkatkan kapasiti *infrastructure* untuk membendung limpahan air hujan secara efektif dan berkesan.

Pada masa yang sama, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, *NDMC* juga secara berterusan melaksanakan sesi taklimat dan program kesedaran awam seperti program *Community Based Disaster Risk Management*, *School-Based Disaster Risk Management*, program *Disaster Preparedness Coordinator* dan Program Pemimpin Masyarakat yang melibatkan pemimpin di peringkat akar umbi, warga sekolah dan pihak swasta serta badan bukan kerajaan bagi memastikan

maklumat yang tepat dan terkini sampai kepada orang ramai.

Sekian yang dapat kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Soalan yang kesembilan iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola minta mohon izin untuk jawapan bagi pertanyaan bagi soalan 9, 10, 11 dan 13 untuk dikumpulkan dan dijawab sebagai Kenyataan Menteri pada hari Sabtu ini dan bagi soalan 12 untuk koala jawab di dalam Dewan ini. Terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Jadi hari ini Yang Berhormat akan menjawab soalan 9?

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
Yang soalan 12.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: 10.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
Kaola ingin..

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
sepuluh ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann dan soalan sebelas.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
Kaola ingin..anu..yang nombor 9, 10, 11 dan 13 untuk dijawab semasa Kenyataan Menteri apa ni masa pada hari Sabtu ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan 12 yang kaola ingin jawab pada pagi ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Silakan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin berterima kasih atas pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub berkenaan dengan perancangan untuk mengongsikan butiran dan keterangan para pemaju tanah pertanian di kawasan kampung-kampung kepada penghulu-penghulu mukim dan juga ketua-ketua kampung yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, pihak kementerian sememangnya berkomunikasi dan berbincang secara berterusan dengan pihak kampung berkaitan aktiviti pembangunan pertanian di kawasan-kawasan kemajuan yang terlibat, terutama sekali bagi projek-projek pertanian baru yang berskala besar. Komunikasi ini dilaksanakan sama ada secara formal atau tidak formal, bergantung kepada keperluan dan kesesuaian situasi.

Sebagai contoh, bagi KKP Kandol, komunikasi dan perbincangan dilakukan melalui jawatankuasa bagi Projek Pembukaan Kawasan Kandol bagi penanaman padi secara komersial, yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada Jabatan Daerah, ketua kampung yang berkenaan.

Seperti projek penanaman padi di KKP Kandol, bagi projek pertanian di KKP Merangking juga, pihak Jabatan Pertanian telah membuat perundingan dan juga konsultasi dengan pihak Majlis Perundingan Kampung dan juga Ketua Kampung Merangking dan juga *other stakeholders*. Berkaitan dengan pemaju dan juga syarikat yang beroperasi di kawasan-kawasan KKP di kampung dan mukim yang sedia ada, *existing one* maklumat tersebut boleh dikongsikan tertakluk kepada kesesuaiannya, terutama sekali bagi menyokong perancangan dan kepentingan pihak kampung atau mukim dalam memastikan pembangunan pertanian berjalan dengan lebih berkesan dan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkongsian maklumat berkenaan dengan projek-projek pertanian terutama sekali yang berskala besar bukan saja dapat memberi maklumat dan pengetahuan kepada *stakeholders* terutamanya anak-anak kampung malah juga membawa manfaat yang lebih luas kepada masyarakat setempat.

Sebagai contoh, anak-anak kampung dapat turut serta dalam projek-projek pertanian ini, khususnya dalam peluang pekerjaan dengan syarikat pemaju atau melalui perniagaan sampingan hasil daripada limpahan ekonomi projek berkenaan, tinggal saja komitmen dan sambutan penduduk kampung untuk merebut peluang-peluang tersebut. Kita boleh melihat contoh ini di KKP Kandol, di mana syarikat pengusaha ladang padi telah mengambil 19 orang pekerja tempatan dari penduduk sekitar projek tersebut. Sementara di KKP Merangking, syarikat-syarikat pengusaha di sana telah pun mengambil kira-kira 10 - 15 orang pekerja tempatan dari penduduk sekitar projek berkenaan. Terdapat juga peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha kampung yang dapat menjual hasil mereka melalui syarikat yang berskala besar ini yang beroperasi berhampiran kampung mereka.

Di samping itu, memandangkan pemaju-pemaju tersebut menjalankan projek-projek pertanian berskala besar di persekitaran kampung, infrastruktur asas seperti jalan raya di kampung-kampung juga diguna sama oleh pemaju-pemaju dengan penduduk setempat.

Dengan adanya perkongsian maklumat berkenaan dan juga penglibatan pihak pengusaha dan juga anak-anak buah kampung, pihak kampung dan mukim dapat berunding dengan pihak pemaju-pemaju bagi sama-sama bertanggungjawab untuk membantu menyelenggara infrastruktur-infrastruktur yang terjejas oleh aktiviti pertanian yang dijalankan.

Sebagai langkah ke hadapan, mekanisme perkongsian maklumat ini akan diteliti lagi dan diusai dengan lebih lanjut melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan daerah yang berkaitan, supaya maklumat dapat disalurkan dengan lebih sistematik dan efisien. Dengan ini, pihak kampung dan mukim dapat memperoleh maklumat yang lebih jelas serta mendapat manfaat dari projek tersebut dan seterusnya merancang penglibatan mereka di dalam pembangunan pertanian dengan lebih berkesan.

Sekian, sahaja jawapan habis kaola. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebentar tadi telah menjawab soalan T12 yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub dan mengambil ingatan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan menjawab soalan-soalan 9, 10, 11

dan 13 dalam Kenyataan Menteri yang akan dibuatnya kemudian nanti.

Maka saya kira cukuplah dulu kitani berunding atau pun mendengar soalan-soalan pada pagi ini. Dan kita sekarang beralih kepada Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Sekarang saya tangguhkan Persidangan ini, dan kita seterusnya akan meneruskan perbahasan peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita menyambung penelitian atas Tajuk-Tajuk di peringkat Jawatankuasa.

Yang Mulia Jurutulis: Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Tajuk SD01A hingga SD09A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk Kementerian

Kewangan dan Ekonomi sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Tajuk ini ialah SD01A-SD09A. Dan saya akan membagi Tajuk ini kepada dua bahagian bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk ikut serta membahaskan Tajuk ini. Dan saya bagi *batch* pertama, saya akan mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:
Bismillahir Rahmanir Rahim, (*Selawat dibaca*).

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertama, kaola ingin menyentuh mengenai Kod 010/000 program kementerian yang berkaitan dengan perindustrian terutamanya strategi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif.

Sebagaimana yang kita sedia maklum kerajaan telah melaksanakan Perintah Gaji Minima bermula Julai 2023. Dan bermula bulan April 2025 ini Fasa Kedua akan dilaksanakan ke beberapa sektor lagi. Ke arah itu, kaola memohon dikongsikan berapakah bilangan pekerja tempatan yang telah memperolehi manfaat dari penguatkuasaan perintah ini di fasa pertama dan berapakah jumlah yang dijangka akan memperolehi manfaat pada pelaksanaan fasa kedua.

Seterusnya dengan pelaksanaan gaji minima ini apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi pencari pekerja-pekerja tempatan diberikan keutamaan untuk diambil bekerja oleh syarikat-syarikat yang beroperasi di negara ini.

Kedua, masih berkaitan program yang sama, perindustrian, kali ini khusus mengenai memupuk dan menggalakkan keusahawanan. Sebagaimana dimaklumi penubuhan Bank Usahawan adalah hasil perbincangan dalam Dewan yang mulia ini untuk menyediakan akses permodalan kewangan bagi pengusaha mikro kecil dan sederhana, PMKS terutamanya *start-ups*. Ke arah itu, bagi menangani permasalahan ini, bank ini telah dirancang peranan pada awalnya sebagai sebuah bank pembangunan di mana cagaran bagi pinjaman dan kadar keuntungan yang dikenakan adalah pada kadar yang munasabah dan berpatutan.

Di samping memberikan pinjaman bank ini juga diperlukan untuk mengadakan latihan bagi meningkatkan kemahiran

peminjam yang berjaya supaya PMKS ini akan dapat berdaya tahan dan berdaya maju.

Ke arah itu, kaola memohon pencerahan adakah perancangan kementerian untuk mengemaskinikan fungsi dan peranan Bank Usahawan ini supaya ianya lebih fokus sebagai sebuah bank pembangunan yang akan berperanan dalam membantu perkembangan PMKS secara keseluruhan dan bagaimanakah kementerian akan dapat mensejajarkan dan inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan oleh BEDB dan DARE seperti *Venture Capital, Angel, Business Development Fund*, dana *start-ups* dan lain-lain lagi.

Sebagaimana Yang Berhormat Dato Menteri nyatakan sabtu lalu, supaya ianya berjalan seiring bagi mengelakkan pertindihan bidang tugas dan pembaziran tenaga dan sumber.

Ketiga, Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja adalah salah sebuah jabatan yang menghasilkan kutipan pendapatan yang tinggi pada kerajaan, iaitu kira-kira \$103 juta setahun. Tanggungjawab jabatan ini bukan saja untuk mengutip hasil malahan sebagai pemudah cara perdagangan bagi mendukung inisiatif *Ease of Doing Business*. Jabatan ini juga bertindak memperkesakan pengawalan dan penguatkuasaan kawalan sempadan bersama-sama agensi penguatkuasaan yang lain.

Namun, kaola perhatikan pada tahun ini jumlah perbelanjaan biasa bagi jabatan ini hanyalah ditambah sebanyak kira-kira

\$70,000. Tidak ada tambahan dalam jawatan-jawatan utama dan peruntukan bagi penggunaan teknologi pun nampaknya berkurangan. Ke arah itu, kaola memohon pencerahan apakah langkah-langkah hadapan pihak kementerian untuk memperkesakan lagi tugas dan fungsi jabatan ini bagi menyelaraskan pemodenan perkhidmatannya.

Dan terakhir, kaola perhatikan dalam *KPI* Kementerian Kewangan dan Ekonomi, jumlah sasaran kutipan hasil syarikat pada tiga tahun yang akan datang adalah mendatar, *constant* sebanyak \$197 juta setahun sedangkan *baseline* ialah \$222 juta.

Dalam pada itu, kita juga mendapati bahawa ada sebilangan syarikat-syarikat yang masih belum dikenakan syarat untuk menjadikan syarikat berhad, walhal, syarikat-syarikat ini mencatatkan prestasi perniagaan yang menggalakkan.

Ke arah itu, kaola memohon pencerahan mengapa perkara ini belum dapat dilaksanakan setakat ini dan apakah langkah-langkah strategik tambahan kementerian kearah memperluaskan lagi asas pendapatan kerajaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membahaskan bagi Belanjawan Kementerian Kewangan

dan Ekonomi dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan SD01A Kementerian Kewangan dan Ekonomi, mengenai dengan pendaftaran perniagaan yang mana antara objektifnya adalah menambah baik proses dari masa ke masa bagi memudahkan urusan pendaftaran syarikat mahupun perniagaan serta perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan yang dapat menyumbangkan kepada persekitaran perniagaan yang lebih efisien dan mesra pelanggan.

Merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama peratus permohonan bagi perkhidmatan *ROCBN* diterima dan diproses dalam tempoh ditetapkan dalam TPOR tidak melebihi satu hari adalah 71.6% bagi tahun 2023 dan 2024. Kaola memohon pencerahan apakah ada sebab kelambatan yang timbul sehingga permohonan ini tidak dapat diproses mengikut TPOR jabatan.

Dan sepertimana yang difahamkan, permohonan *ROCBN* ini hanya dapat diproses pada waktu dan hari bekerja sahaja. Oleh itu, ke arah penambahan permohonan berkenaan, apakah ada perancangan untuk proses permohonan ini dilaratkan perkhidmatannya ke 24 jam, 7 hari seminggu termasuklah hari-hari kelepasan awam dengan menggunakan teknologi *AI, Artificial Intelligence* sebagai alternatif untuk sebarang keputusan dan kelulusan.

Dan akhirnya apakah langkah-langkah strategik ke arah meningkatkan keselamatan sistem permohonan *ROCBN* ini dari sebarang pencerobohan *cyber* atau penggadam, *hacker*.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin ikut campur berbincang tentang SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jumlah keseluruhan \$40.9 juta. Di antara objektifnya ialah menyediakan prasarana persekitaran kerja yang kondusif dan menguruskan kegiatan dengan efisien. Sebelum kaola membincangkan bajet izinkan kaola mengongsikan kefahaman kaola dengan definasi *KPI* dan sasaran. *KPI, Key Performance Indicator* ataupun Petunjuk Prestasi Utama didefinisikan sebagai pengukur pencapaian objektif organisasi dan membantu menetapkan matlamat, memantau pencapaian dan mengenal pasti kelemahan dan kekuatan suatu organisasi.

Dalam *industry* dan *business* *KPI* juga digunakan sebagai tanda mercu dan sukat-sukat menilai kecemerlangan individu, kumpulan dan organisasi. *KPI* juga digunakan untuk memberikan fokus bagi membantu organisasi sama-sama

menuju hala tuju dan matlamat organisasi. Inilah kekuatan *aligned goals*, iaitu tujuan sepadu dan *KPI* sebagai intervensi organisasi ke arah kecemerlangan.

Jadi kaola ingin tanya pasal Kod 007/00 Pengurusan Perdagangan. Bajet \$2.1 juta yang objektif program, mengendalikan isu-isu perjanjian pengurusan perdagangan bebas, *FDR*. Mohon pencerahan ada *KPI* pencapaian tahunan yang telah ditetapkan untuk inisiatif ini dan apakah hasil-hasil yang telah dicapai melalui inisiatif ini setakat ini? Bagaimanakah pihak kementerian boleh menterjemahkan semua perjanjian perdagangan ini kepada pelaksanaan yang berkesan supaya *SMEs* dapat ikut memperoleh manfaat daripadanya?

Isu kedua, Kod 008/000 Perancangan Pelaksanaan dan Pemantauan Projek Kemajuan bernilai \$1.156 juta. Objektif program memastikan projek di bawah RKN dilaksanakan dengan efisien dan *value for money*, berbaloi. Kaola difahamkan perbelanjaan peruntukan untuk RKN10 dan RKN-11 tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam jangka waktu yang ditetapkan oleh beberapa sebab dan beberapa projek kaola faham telah tertunggak, tidak siap atau tidak dapat dilaksanakan. Apakah pengajaran daripada *performance review* RKN-10 dan RKN-11 yang telah disalurkan dan dapat diadaptasi pelaksanaan RKN-12 agar semua pelaksanaan projek-projek dalam RKN-12 tidak akan tertangguh? Dimaklumkan bahawa rakyat, um, RKN amat penting kepada komuniti kontraktor

untuk kesinambungan pekerjaan integriti dan perjalanan swasta dan integriti berbisnes bergantung dengan keupayaan agensi kerajaan untuk merealisasikan projek-projek dalam RKN.

ST05A Jabatan Perbendaharaan 002/00. Mencepatkan pelaksanaan proses pembayaran, \$7.8 juta ia ini dengan objektif mencepatkan pelaksanaan proses pembayaran. Merujuk pada tajuk ini, mohon pencerahan mengenai berapakah jumlah keseluruhan, *total numbers of outstanding invoices* dan jumlah nilai, *total value* kewangan inoivis yang tertunggak dan mohon pencerahan apakah pengajaran dan perubahan yang telah diambil kira untuk memastikan pembayaran dilaksanakan pada masa yang tepat? Kelewatan pembayaran inoivis memaksa pengusaha-pengusaha untuk mengambil pinjaman, menanggung yuran tertunggak dan penalti untuk membayar gaji dan *cashflow* untuk kesinambungan bisnes. Yang beruntung disebabkan kelambatan membayar inoivis ialah pihak bank, yang meraih keuntungan tanpa membuat kerja.

Kaola mencadangkan agar caj-caj disebabkan inoivis yang tertunggak disebabkan proses dalaman agensi kerajaan ditanggung oleh agensi kerajaan. Dengan ini caj sebenar, *true cost of doing business* atas sebab kelewatan pembayaran inoivis boleh dilihat dan akan membolehkan pengendalian inoivis yang lebih cekap dan tepat pada masanya. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada beberapa soalan berkaitan Tajuk SD01A Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Dengan jumlah keseluruhan bajetnya adalah \$40,921,330.00.

Pertama, Kod 004/000 Kutipan Hasil Cukai, dengan peruntukan \$134,600.00 dan merujuk kepada Prestasi Penunjuk Utama yang baharu iaitu peratusan pematuhan syarikat terhadap pemfailan penyata tahunan, *Annual Return* yang menyasarkan pencapaian 60% setiap tahun dari Tahun Kewangan 2025 sehingga Tahun Kewangan 2028. Memandangkan penyata ini penting dan menyumbang kepada kadar fiskal negara, mohon pencerahan mengenai sasaran, kenapakah sasaran yang ditetapkan hanya pada kadar 60% setiap tahun? Apakah usaha-usaha pihak kementerian untuk memastikan syarikat-syarikat mematuhi peraturan pemfailan penyata tahunan ini terutama syarikat-syarikat yang dimiliki oleh warga asing dan apakah *mechanism* penguatkuasaan yang digunakan untuk menangani syarikat-syarikat yang gagal mematuhi peraturan ini?

Soalan kedua, merujuk kepada Kod 005/000 Pendaftaran Perniagaan dengan peruntukan sebanyak \$111,000.00 bagi tahun kewangan yang baharu ini. Kaola juga merujuk Petunjuk Prestasi Utama, peratus bagi permohonan perkhidmatan *ROCBN* yang diterima dan diproses

dalam tempoh yang ditetapkan di dalam TPOR. Seperti mana rakan Ahli Yang Berhormat tadi, kaola juga ingin mengetahui cabaran yang dihadapi dalam memproses 100% permohonan yang diterima dalam tempoh TPOR yang ditetapkan.

Selain itu, adakah pihak kementerian memantau dan dapat mengesahkan bahawa semua perniagaan dan premis yang didaftarkan akan diurus serta dikendalikan oleh pendaftar atau pun pemilik syarikat sendiri dan bukannya disewakan atau diguna pakai oleh warga asing? Dan apakah *mechanism* pemantauan yang digunakan untuk memastikan syarikat-syarikat yang berdaftar ini mematuhi peraturan dan perundangan yang berkaitan khususnya syarikat-syarikat milik warga asing contohnya dari aspek pengambilan pekerja warga tempatan dan kebajikan mereka serta aspek lain yang menyumbang kepada penjanaaan ekonomi negara?

Soalan ketiga, adalah Kod 010/000 Perindustrian dan Sub 010/001 Perkembangan Industri Utama dengan peruntukan \$284,000.00. Antara objektif program ini adalah meningkatkan kepelbagaian ekonomi negara melalui industri bukan minyak dan gas, dengan strategi seperti mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, memupuk dan menggalakkan minda keusahawanan. Mohon pencerahan, jenis industri utama yang menjadi fokus dalam tajuk ini, memandangkan industri bukan minyak dan gas sangat diperlukan

untuk mempelbagaikan ekonomi negara dan negara kita sedang dalam usaha untuk memajukan industri hiliran, adakah peruntukan \$284,000.00 dan aktiviti-aktiviti yang dirancang mampu memudahkan dan mendukung perkembangan industri utama di negara ini dan mempersiapkan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dengan latihan-latihan kemahiran yang berkaitan untuk membangunkan ekosistem yang menyokong industri ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Lau How

Teck: Yang Berhormat Pengerusi. SD01A Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Dalam membahaskan mengenai kecekapan perbelanjaan dan kawalan kos operasi adalah penting untuk memastikan setiap peruntukan yang diluluskan bukan saja menampung keperluan semasa tetapi juga membentuk asas bagi pengurusan kos jangka panjang. Dengan cabaran kos operasi yang semakin meningkat, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bukan saja perlu mengurus perbelanjaan negara tetapi juga menyediakan mekanisme bagi sektor utama untuk menjadi lebih lestari tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan langsung.

Kod 1213 Mengukuhkan Infrastruktur *ICT*. Pelaburan dalam sistem berkaitan data dan ekonomi seperti *Government Human Resource Management System* dan Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan sumber. Namun, perbelanjaan dalam infrastruktur digital

ini perlu mempunyai kesinambungan dengan dasar fiskal yang membantu sektor yang menghadapi tekanan kos tinggi seperti pertanian dan penternakan. Salah satu langkah yang boleh dipertimbangkan ialah memperkukuhkan insentif fiskal bagi perniagaan yang melabur dalam teknologi penjimatan kos. Contohnya, pengusaha yang mengadaptasi automasi dan dalam memproses hasil atau *technology precision farming* yang dapat mengurangkan pembaziran sumber, seharusnya diberikan pengurangan cukai atau akses kepada dana sokongan.

Ini akan memberi dorongan kepada sektor tersebut untuk beralih kepada modal operasi yang lebih efisien tanpa terlalu bergantung kepada subsidi tahunan. Di samping itu, kaola berpandangan bahawa struktur subsidi harus lebih bersasar, berdasarkan keberkesanan pengurangan kos. Sebagai contoh, subsidi boleh diberikan secara berperingkat berdasarkan kasar penjimatan kos operasi yang berjaya dicapai. Ini akan memastikan bahawa setiap perbelanjaan kerajaan menghasilkan kesan berganda, di mana bukan sahaja kos ditabungkan, tetapi juga mendorong industri untuk meningkatkan daya saing melalui inovasi dan kecekapan.

Kaola berharap agar pendekatan ini dapat dipertimbangkan bagi memastikan pengurusan fiskal negara terus relevan dengan keperluan ekonomi yang sedang berubah serta dapat membantu sektor utama menyesuaikan diri dengan

cabaran kos operasi dan yang semakin kompleks. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ada tiga soalan.

Pertama, mengenai dengan Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang ada hubung kaitnya dengan KPI. Kutipan Hasil Cukai Pendapatan Syarikat Lain, *baseline* \$222 juta, merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama SD01A Kutipan Hasil Cukai Pendapatan Syarikat Lain. Apakah yang dimaksudkan dengan Syarikat Lain dalam konteks kutipan hasil cukai ini? Apakah jenis-jenis syarikat yang termasuk dalam kategori ini? Mengapakah sasaran ditetapkan di bawah *baseline* \$222 juta? Mohon pencerahan mengenai kriteria yang memastikan sebuah syarikat sendirian berhad membayar cukai korporat, *corporate tax*? Berapakah jumlah syarikat-syarikat Sendirian Berhad yang ada dan berapa peratus daripadanya menyumbang kepada kutipan hasil cukai?

Kedua, mengenai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, SD03A. Merujuk kepada Tajuk SD03A Kod 001/002- Pembangunan Sumber Manusia. Dengan peruntukan sebanyak \$7,000, adakah jumlah ini mencukupi untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran kakitangan jabatan berjalan dengan efisien dan efektif, serta meningkatkan kemahiran,

keupayaan dan kualiti pegawai? Sekali gus mencapai produktiviti yang cemerlang seperti yang dinyatakan dalam objektif program.

Seterusnya yang ketiga, ialah mengenai dengan Jabatan Perbendaharaan SD05A-Invois Yang Tertunggak. Merujuk kepada Tajuk SD05A - Petunjuk Prestasi Utama Invois Yang Tertunggak. Mohon pencerahan mengenai sebab-sebab di sebalik peningkatan peratus sasaran tersebut yang mana sepatutnya berkurangan. Sekian terima kasih Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kumpulan yang kedua, saya akan menjemput Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Sebelum itu saya ingin juga menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya kalau sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat mendengar soalan-soalan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, kiranya yang soalan-soalan itu sudah disoal, ada baiknya jangan disoal lagi, sebab mengambil masa yang agak panjang dan mengelirukan, apa namanya, orang kemudian yang akan

menjawab. Ada baiknya soalan-soalan yang sudah di apa ni disoal, jadi kitani tinggalkanlah, biar dijawab oleh aa.. orang yang apa ani pihak-pihak yang berkenaan.

Saya persilakan untuk memulakan kumpulan yang kedua ini, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Pehin Yang aa Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Pengerusi, alhamdulillah terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang bagi membahaskan Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Peruntukan Kewangan Tahun 2025/2026.

Kaola merujuk kepada Tajuk SD04A Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, iaitu Kod 004/000 Hal Ehwal Pengguna. Objektif jabatan mengkhususkan kepada kerja-kerja inisiatif-inisiatif bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan Perintah Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga (Penggala 142) ke arah mempromosi pasaran yang wajar dan bermaklumat untuk pengguna dan peniaga.

Sehubungan mengenai ini, kaola memohon pencerahan berkenaan dengan Perintah Perlindungan Pengguna,

Perdagangan Wajar, 2011 ini. Adakah perintah ini juga melindungi hak-hak pengguna di dalam aspek:

Yang pertama, hak kepada maklumat yang tidak jelas dan tepat tentang produk dan perkhidmatan yang dibeli?;

Yang kedua, hak untuk memilih produk atau perkhidmatan berdasarkan pilihan tanpa paksaan atau pengaruh yang tidak wajar?; dan

Yang ketiga, hak untuk keselamatan pengguna untuk berhak mendapatkan produk atau perkhidmatan yang selamat.

Jika berlakunya pelanggaran peraturan mengenai perintah ini, di manakah pengguna mengemukakan aduan dan tuntutan? Mohon pencerahan mengenainya.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Terima kasih di atas peluang membahaskan belanjawan bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya di dalam belanjawan negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola merujuk Kod 012/000 Penyelidikan dan

Perancangan Statistik dan Kod 012/001 Penyelidikan Ekonomi dan Fiskal. Sepertimana yang difahamkan bahawa program Penyatuan Fiskal, *Fiscal Consolidation Programme* adalah merupakan usaha dan inisiatif pihak kerajaan ke arah menstabilkan kewangan kerajaan di dalam langkah mengurangkan defisit belanjawan negara.

Kaola menyambut baik usaha berkenaan bahkan ianya adalah merupakan amalan yang dipraktikkan oleh negara-negara maju dan langkah-langkah lebih proaktif ke arah pelaksanaan program memastikan belajawan diperuntukkan secara efisien berasaskan *core business* setiap kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing.

Namun pada itu, sehubungan dengan ini, kaola mengharapkan agar pelaksanaannya nanti perlu dirancang dengan teliti untuk mengimbangi antara matlamat fiskal dan kesejahteraan rakyat.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan apakah pihak kementerian mempunyai perancangan ke arah memperluaskan kaedah penswastan bagi sektor perkhidmatan dan penggunaan aset-aset kerajaan seperti bangunan-bangunan kerajaan yang terbiar.

Kaola juga sukacita menyuarakan lagi berkenaan dengan rungutan orang ramai berkenaan dengan Sistem TAFIS 2.0 iaitu kelambatan proses pembayaran sepertimana penjelasan pihak kementerian pada sesi muzakarah ianya

adalah disebabkan beberapa faktor antaranya kelambatan daripada pihak jabatan-jabatan memberi maklum balas bagi proses-proses seterusnya.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon agar pihak berkenaan dapat mengambil maklum dan meneliti isu berkenaan ke arah menambah baik Sistem TAFIS 2.0 secara bersepadu. Mohon pencerahannya. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membahaskan perkara di bawah Tajuk SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi khususnya Petunjuk Prestasi Utama - Penyertaan Dalam Ekspo dan Pameran Perdagangan Serantau dan Antarabangsa, yang ditingkatkan kepada empat negara pada tahun kewangan ini. Ekspo dan pameran perdagangan bukan saja peluang untuk mengetengahkan produk dan perkhidmatan tempatan tetapi juga sebagai pemacu kepada peningkatan eksport negara.

Penyertaan yang semakin meluas dalam ekspo serantau dan antarabangsa menunjukkan komitmen negara dalam memastikan keterlibatan syarikat tempatan dalam pasaran *global*.

Namun, keberkesanan ekspo tidak setakat diukur hanya pada jumlah penyertaan tetapi sejauh mana ia diterjemahkan kepada peningkatan eksport yang mampan, penyertaan dalam rangkaian bekalan antarabangsa

dan daya tahan syarikat dalam mengekalkan pasaran luar.

Langkah ke hadapan dalam memperkukuh hasil ekspo boleh terus diperkasakan dengan *trade follow-up mission*, satu mekanisma yang telah dilaksanakan di beberapa negara lain. Di negara-negara seperti Singapura dan Korea setiap ekspo yang disertai akan diikuti dengan misi perdagangan bersasar yang memberi tumpuan kepada syarikat yang menunjukkan potensi tinggi untuk meneruskan perniagaan di negara yang mereka sasarkan.

Delegasi perdagangan akan kembali ke pasaran tersebut dalam tempoh enam hingga dua belas bulan selepas ekspo bagi mengadakan pertemuan langsung dengan pembeli dan pengedar yang telah dikenal pasti. Pendekatan ini boleh disesuaikan untuk negara dengan memastikan syarikat tempatan yang mendapat minat tinggi semasa ekspo diberikan sokongan perundingan perdagangan.

Pemadanan perniagaan yang lebih eksklusif dan bimbingan pematuhan pasaran bagi mempercepatkan transaksi eksport. Dengan ini penyertaan dalam ekspo tidak berakhir selepas pameran tetapi diteruskan sebagai satu proses yang berfokus kepada menghasilkan hasil perdagangan sebenar.

Selain itu, *model national trade concierge service* yang diamalkan oleh beberapa negara lain boleh dijadikan inspirasi bagi memperkukuh sokongan kepada syarikat tempatan. Melalui modal ini setiap

syarikat eksport yang telah berjaya memasuki pasaran luar diberikan akses kepada pakar perdagangan yang berfungsi sebagai penasihat eksklusif dalam membantu mereka memahami perubahan dasar import.

Mengurus risiko pertukaran matawang dan memastikan strategi eksport mereka kekal relevan. Ini memastikan eksport bukan hanya berkembang tetapi juga berdaya tahan dalam menghadapi ketidaktentuan pasaran global. Dengan penyertaan ekspo yang semakin luas, strategi ini boleh terus diperhalusi agar setiap ekspo bukan sekadar menjadi medan promosi tetapi benar-benar menghasilkan peluang yang berimpak tinggi kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih di atas peluang bagi membahaskan Belanjawan Peruntukan Kewangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 2025/2026.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita merujuk SD03A Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kod 003/000 Pemudah Cara Perdagangan. Melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi mendukung inisiatif *Ease of Doing Business* dan penyediaan

teknologi bagi memudah cara perdagangan secara *online*. Ini termasuklah memudah cara kaedah pengimportan atau pengeksporan tanpa mengurangkan aspek keselamatan secara 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan apakah sistem konvensional masih digunakan dan apakah perancangan ke arah penambahbaikan sistem *online* ini dan mengambil kira aspek mesra pengguna.

Seterusnya, kaola merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi Anggaran Perbelanjaan 2025/2026 berkenaan dengan peratus baki tunggakan Kutipan Hasil Jabatan Kastam dan Eksai Diraja yang berjumlah sehingga 31 Mac 2024 sebanyak \$109,015.00 yang mana anggaran peratus kutipan tahunan 2023/2024 adalah 20% dan peratus kutipan sebenar hanyalah 4.82%. Kaola mohon pencerahan apakah baki tunggakan kutipan hasil yang dimaksudkan ini dan kenapa anggaran bagi tahun 2024/2025 menurun kepada 3%.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selamat pagi dan salam sejahtera. Pertama sekali kaola ingin mengucapkan tahniah atas usaha-usaha yang dijalankan dalam mengembangkan

eksport ke negara jiran pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Walau bagaimanapun, kaola berharap Kementerian Kewangan dan Ekonomi boleh menambah momentum ini dan terus mengukuhkan sektor pembuatan makanan sebagai salah satu asas utama dalam strategi *diversification* ekonomi kita.

Merujuk kenyataan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada hari kelima Majlis Mesyuarat Negara, kaola memahami bahawa *BEDB* telah menganjurkan pelbagai ekspo untuk membukakan peluang pasaran bagi perniagaan tempatan ini. Ini adalah salah satu inisiatif yang sangat menggalakkan seperti yang disebutkan oleh rakan Ahli Yang Berhormat. Mengenai perkara ini, boleh kaola mengesahkan bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui pihak *BEDB* bercadang untuk mengambil bahagian dalam empat pameran atau ekspo di empat negara pada tahun ini seperti yang dinyatakan dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara 2025/2026.

Namun kaola mengambil perhatian bahawa bagi tahun 2026/2027 dan 2027/2028, hanya 2 ekspo di luar negara akan disertai. Di samping itu baru semalam Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II memberi keterangan jawapan bagi soalan PL11 bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi II melalui *BEDB* sudah memberikan peluang pelaburan secara aktif melalui ekspo serantau dan

antarabangsa di negara sasaran. Kaola ingin meminta penjelasan tentang bilangan sebenar yang ekspo yang dihadiri setiap tahun untuk mempromosikan perniagaan tempatan dan menarik pelaburan langsung asing masing-masing. Jika angka itu hanyalah hanya 2 atau 4 ekspo ia menyerupai tidak mencukupi bagi meningkatkan kehadiran global Brunei secara berkesan.

Pekara seterusnya, bagi mengukur kemajuan dalam usaha kepelbagaian ekonomi melalaui sektor pembuatan makanan yang merupakan salah satu sektor keutamaan. Adakah kementerian bersedia untuk memasukkan KPI seperti peratusan KDNK dari sektor pembuatan makanan, penjanaaan hasil oleh syarikat pembuatan makanan, pertubuhan guna tenaga dalam sektor pembuatan makanan ataupun kadar pertubuhan sektor pembuatan makanan dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara?

Dan yang akhir sekali, kaola memahami bahawa *DARe* menjalankan program-program seperti *Accelerate*, *Elevate* dan *Micro Bootcamp*. Dan kaola ingin mencadangkan untuk membezakan *Micro Bootcamp* antara syarikat perkhidmatan makanan dan syarikat pembuatan makanan. Walaupun kaola mengakui kejayaan *bootcamp* dalam melatih usahawan perkhidmatan makanan terutamanya di *Kontena Park*, kaola percaya sudah tiba masanya untuk menyediakan sokongan yang lebih disasarkan bagi sektor pembuatan makanan. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin membangkitkan Tajuk SD01 Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi II, Kod 111/000 Gerakan Koperasi Program Baru. Kaola mengalukan Program Gerakan Koperasi bertujuan merangsang dan membangunkan koperasi dalam perkembangan kemajuan negara. Jumlah keseluruhannya di pembangunan koperasi di bawah Kod 011-001 adalah \$754,410.00 termasuk *emolument* \$749,410.00 dan perbelanjaan berulang-ulang \$5,000.00. Kaola pernah membangkitkan perkara tentang mengenai kelembapan perkembangan koperasi di negara ini.

Sehubungan dengan ini, kaola mohon pencerahan apakah rancangan strategi atau inisiatif-inisiatif dalam meningkat majukan keberkesanan perkembangan koperasi terutama sekali yang melibatkan lebih ramai lagi masyarakat yang menyertai badan koperasi yang berupaya menjana meningkatkan gaya hidup masyarakat sekali gus menyumbang pada kadar pertumbuhan ekonomi negara dan berapakah jumlah peruntukan untuk mengembangkan lagi koperasi di negara ini?

Kedua, kaola ingin merujuk pada Tajuk SD1A Jabatan Perkhidmatan, Jabatan

Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kod 1214 Pembangunan Industri Kemajuan Perusahaan dan Perindustrian. Kod telah memperuntukkan \$100 ribu di tahun 2025/2026 sama jumlah diluluskan pada tahun 2024/2025. Walau bagaimanapun, terdapat jumlah peruntukan di bawah RKN Ke-12 berjumlah \$10 juta yang hanya memperuntukkan 2% untuk tahun pertama daripada harga rancangan RKN bagi pembangunan kluster. Kaola berpandangan dan ini boleh menimbulkan beberapa persoalan mengenai keperluan untuk meningkatkan atau menyesuaikan peruntukan ini bagi memastikan pelaksanaan program atau projek pembangunan kluster mikroekonomi dapat dijalankan dengan berkesan dan sesuai dengan matlamat pembangunan. Kaola mencadangkan perlunya dipertingkatkan peruntukan kewangan jumlahnya pada masa akan datang bagi menambah baik ekosistem perniagaan yang lebih menarik *friendly* dan kondusif, bukan saja menarik ramai pelabur asing malahan juga meningkatkan perekonomian-perekonomian dan perniagaan di negara ini.

Sehubungan dengan itu juga, bagaimanakah kementerian merancang untuk menyumbangi antara jumlah peruntukan yang disediakan bagi memastikan kejayaan program tersebut di bawah Rancangan RKN ke-12 supaya setiap projek atau program yang dirancang itu tidak tergendala dan boleh mungkin menggugat perkembangan aktiviti-aktiviti perekonomian.

Kaola juga ingin menimbulkan Tajuk SD 04A-Jabatan Perancangan dan Strategik, Kod 1220, Kajian Sains Teknologi Penyelidikan dan Pembangunan. Pada pemerhatian kaola, peruntukan khusus di bawah tajuk ini hanyalah menunjukkan Tajuk 12201, Banci Dan Kajian Sosial Ekonomi dalam Anggaran 2025/2026. Sedangkan peruntukan R&D dan Kajian Sains, Teknologi dan Inovasi adalah sangat penting serta memerlukan peruntukan yang tinggi untuk menghasilkan inovasi, meningkatkan produktiviti, dan kredibiliti pelbagai sektor untuk memacu sosioekonomi negara yang lebih mampan dan juga berdaya maju. Seperti di negara-negara *ASEAN*, peruntukan bagi R&D ini di antara satu atau di antara 3% daripada *GDP*, mungkin ada terdapat di bawah peruntukan yang lain disediakan. Walau bagaimanapun, kaola mohon penjelasan mengikut dalam perkara ini di samping berapakah jumlah diperuntukan untuk R&D bagi negara dan berapa peratus daripada *GDP*?

Seterusnya kaola ingin merujuk kepada SD05A Petunjuk Prestasi Utama *KPI* dengan jumlah sasaran 20 agensi kerajaan tahun 2025/2026 secara *beraccumulative on board* menggunakan *sistem E-Payment Gateway* dan *One Common Billing System* adalah sangat-sangat dialu-alukan dan ianya menampakkan kemajuan dibandingkan dengan pencapaian dua belas agensi tahun 2023 /2024.

Pelaksanaan transformasi ini adalah bukan saja untuk *transform* tetapi ia

memudah cara dan kepada pengguna dan masyarakat yang perkhidmatan yang lebih efisien, efektif dan *feasible*. Kaola ingin mengetahui apakah langkah-langkah tindakan strategik bagi memastikan kejayaan dan pelaksanaan projek ini sepenuhnya dengan disertai oleh kesemua agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan. Wallah. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan membacakan kumpulan yang ketiga, yang suka untuk turut mebahaskan tajuk-tajuk ini dan dimulai dengan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin dan diikuti Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman. Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. SD01A-Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi II. Kaola ada dua perkara

yang hendak dibangkitkan Yang Berhormat Pehin,

Pertama, Kod 004/000, Kutipan Hasil Cukai yang keseluruhannya bajetnya \$1,340,600.00. Merujuk kepada SD01A, Kod 004/000. Banyak perniagaan di Brunei seperti kedai runcit, restoran dan pembinaan dikuasai oleh warga asing seperti perniagaan Ali Chandran dan sebahagian besar memanfaatkan subsidi kerajaan tetapi tidak menyumbangkan kepada ekonomi negara dan tidak mengambil pekerja rakyat tempatan. Oleh itu, peraturan perlu diteliti semula dan diperketat dengan menukar modal perniagaannya kepada seperti *GLC, initiative local franchise, joint venture* dan koperasi tempatan.

Persoalannya, bagaimanakah pihak kementerian dapat mengawal selia dan memastikan perniagaan-perniagaan ini mematuhi serta menyumbang kepada Program Pengurusan Hasil bagi memperluaskan asas cukai serta meningkatkan jumlah dan kadar kutipan cukai daripada ekonomi domestik selaras dengan objektif program ini?

Yang kedua, RKN 1222 Menangani Perubahan Iklim Kemudahan Awam dan Alam Sekitar. Kod 122/203 Bangunan Hijau, RKN \$51,608,000.00. Merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Kod 122/203 Mengenai bangunan hijau dengan harga

keseluruhan yang \$51,608.00.00. Manakala anggaran perbelanjaan bagi tahun 2025/2026 adalah terlalu rendah iaitu \$8 juta, hanya 15.5% untuk menunjukkan komitmen negara sebagai *ASEAN Climate Change Centre*.

Tidak terdapat banyak bangunan hijau di Brunei. Maka terdapat peluang untuk membangunkan keupayaan dalam pembinaan bangunan hijau serta melibatkan bakat tempatan dalam keseluruhan proses pembangunan dari reka bentuk hingga pembinaan. Ini boleh menjadi permulaan kepada modal atau konsep yang boleh diterapkan untuk bangunan-bangunan hijau yang masa hadapan. Seperti pembinaan semula bangunan Pusat Pekerjaan yang baharu.

Selain ini, inisiatif ini juga dapat menyumbang kepada rancangan negara dalam usaha mencapai ekonomi hijau. Bagaimanakah pihak kementerian memastikan bahan-bahan binaan berkualiti tinggi dan mampan untuk bangunan hijau dijual pada harga yang dapat menggalakkan pertumbuhannya dan mendorong kontraktor serta arkitek tempatan untuk memilih bahan tersebut berbanding bahan murah yang tidak mampan demi mengurangkan impak perubahan iklim? Bilakah anggaran projek ini selesai dan bagaimanakah kementerian merancang untuk mempercepatkan pembangunan inisiatif dan program yang ada?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Merujuk program Kod 010/000 Perindustrian dan Tajuk SD01A 010/002, iaitu Eko Perniagaan. Salah satu cabaran besar kitani ialah pergerakan orang kitani merentas sempadan melalui jalan darat ke negara jiran berbelanja barang seharian dan jua makanan di luar sana dan kurang berbelanja di negara sendiri.

Kaola difahami terdapat kajian-kajian sudah dibuat pada tahun 2019, 2021 dan 2024 oleh Pusat Kajian Strategi dan Dasar, *CSPS* di atas permintaan *AMBD* pada masa itu dan Universiti Brunei Darussalam tentang *economic leakage* dan *high rate of cross border expenditure by Bruneian*.

Banyak sokongan, cadangan yang telah diutarakan akan tetapi kitani masih juga belum dapat mencari strategi yang berkesan. Dalam hal ini, dan jika ia belum dilaksanakan, kaola ingin mencadangkan pihak kerajaan menjalankan kajian terperinci mengenai dengan profil rakyat negara ini yang melakukan pergerakan melalui sempadan darat ini. Dengan *profiling study* itu nanti, pihak kerajaan akan dapat menilai dari segi dasar yang akan diperkenalkan bagi mengurangkan ketirisan wang keluar di negara ini dan menggalakkan rakyat negara ini termasuk warga perkhidmatan awam berbelanja dalam negara.

Kaola merujuk anggaran kutipan hasil bagi sektor bukan minyak dan gas, dalam pembentangan belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sehingga Januari 2025 terdapat 26 syarikat Pelabur Langsung Asing, FDI sedang beroperasi dan 15 syarikat lagi dijangka akan beroperasi sekitar tahun ini membawa kepada tahun 2027. Kaola percaya syarikat-syarikat ini ada usaha kerjasama bersama dengan syarikat berkaitan kerajaan *GLC*.

Persoalan kaola, berapakah sumbangan syarikat usaha sama *GLC* dan *FDI* ini kepada hasil pendapatan negara? Adakah syarikat-syarikat ini membayar cukai-cukai yang berkaitan seperti cukai korporat kepada kerajaan? Soalan kaola ini berkaitan dengan penelitian kaola terhadap penurunan ketara pendapatan hasil pulangan pelaburan dan simpanan berjumlah \$90 juta pada tahun 2023/2024 turun kepada \$61 juta pada tahun 2024/2025 dan juga tahun 2025/2026. Penurunan juga ketara bagi pendapatan hasil dari lebihan hasil daripada badan-badan berkanun iaitu dari \$70 juta pada tahun 2023/2024 turun kepada \$47 juta sahaja bagi tahun 2024/2025 dan jumlah yang sama anggaran bagi tahun 2025/2026.

Seterusnya, isu ini juga berkaitan dengan ekosistem perniagaan khusus mengenai dengan harga tiket penerbangan yang sangat jauh bezanya dengan negara jiran. Seperti yang kitani maklumi, orang kitani *prefer* belayar melalui lapangan terbang negara jiran yang lebih-lebih,

yang jauh lebih murah harganya dari jika mengambil penerbangan dari dalam negara sendiri. Tidak dapat disangkalkan perkara ini adalah pilihan orang ramai jua. Walau bagaimanapun perkara ini bukan sahaja isu mengenai aliran wang kitani dibelanjakan di luar negara tetapi menjejaskan *national carrier* kitani iaitu *Royal Brunei*.

Soalan kaola, dapatkah Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan Kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta *RB* yang sudah menunduki perkara ini sedalam-dalamnya untuk mengemaskini *model business* dan operasi *RB* dengan mengambil kira pendekatan *model business* pengendali penerbangan yang mampu beli dan bayar dan belayar. Kaola faham bahawa harga tiket mungkin tidak akan dapat menandingi atau disamakan harga tiket di negara jiran berkenaan. Akan tetapi jika bezanya berpatutan dan *it is worth while* apabila penerbangan dari dalam negara, daripada negara jiran yang terdekat dengan mengambil kira jarak perjalanan jauh dan kos-kos tambahan lain, kaola percaya ia akan dapat memberi satu pilihan yang menarik kepada orang kitani untuk ambil penerbangan dari dalam negara sendiri.

Izinkan kaola memberi contoh sedikit. Tiket ulang alik ke Kuala Lumpur dari *airport* negara jiran sekitar \$150.00 dan tambah \$65.00 untuk kos-kos *EES*, minyak dan letak kereta. Jumlah keseluruhan sebanyak \$215.00 ini tidak

termasuk kos tersembunyi iaitu masa dan tenaga memandu berjam-jam dan ada kalanya ber*queue* berjam-jam di negara jiran serta risiko meletakkan kereta di negara jiran. Jikalau sekiranya harga tiket dari negara sendiri sekitar \$250.00 bagi ulang alik, kaola percaya orang kitani akan tetap memilih beli tiket dari negara sendiri.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola merujuk Kod 011/000 Gerakan Koperasi dan Kod 011/001 yang telahpun dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan, maka saya ingin menambah soalan. Sepertimana yang dinyatakan dalam Buku Anggaran Belanjawan 2025/2026 Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dinyatakan Gerakan Koperasi Program baharu. Apakah program baharu yang dimaksudkan?

Dan seterusnya sejauh ini, berapakah buah perniagaan koperasi yang masih beroperasi di Negara Brunei Darussalam dan apakah perancangan dan usaha-usaha pihak jabatan di dalam memperkasakan koperasi di negara ini. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan ikut serta dalam perbahasan ini. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola ingin merujuk tajuk SD01A *and then* kaola ingin menyentuh tajuk 0110/009 Perindustrian iaitu yang mana satu daripada objektif di bawah tajuk ini ialah memupuk dan menggalakkan minda keusahawanan.

Kaola ingin bertanya adakah terdapat peruntukan di bawah tajuk ini, usaha untuk memajukan secara khusus keusahawanan Melayu selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja dan apakah usaha, apakah dasar atau strategi tindakan bagi mempertingkatkan usahawan-usahawan Melayu dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Yang kedua, kita sering mengatakan untuk mengembangkan ekonomi negara kita perlu menarik Pelaburan Langsung Asing ke Negara Brunei Darussalam. Kelmarin, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ada menyebut salah satu tugas pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri terutama yang berada di luar negeri ialah untuk menarik Pelaburan Langsung Asing ke Negara Brunei Darussalam.

Dalam perkara ini, kaola ingin bertanya adakah pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi melibatkan Kedutaan Suruhanjaya Tinggi kita yang berada

di luar secara langsung untuk menarik pelaburan langsung asing dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat dan membekalkan mereka maklumat yang cukup agar mereka boleh membantu menarik pelabur asing dengan lebih berkesan.

Kaola rasa, dengan hanya ianya dijadikan sebagai salah satu tugas mereka sahaja, ia tidak akan berjaya. Adalah perlu, pada hemat kaola mereka diperjelaskan jenis pelaburan asing yang dikehendaki untuk masuk ke Brunei dan *key business entities* yang harus mereka jumpai.

Di samping itu, apa yang kaola dimaklumkan beberapa cadangan pelaburan, *business proposal* cadangan kerjasama dalam apa jua bidang yang disalurkan melalui kedutaan tidak mendapat jawapan balas dari kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang ditujukan. Perkara ini setentunya menjadikan pihak kedutaan kita kurang efektif dan akhirnya *demotivated*.

Yang ketiga yang kaola ingin timbulkan ialah mengenai Kod 006/000 iaitu Hubungan Antarabangsa yang objektif programnya ialah mempromosi kerjasama antarabangsa dalam hal ehwal ekonomi dan kewangan melalui keahlian badan-badan dan institusi serantau diantarabangsa dan Kod 007/000, Pengurusan Perdagangan. Kaola ingin mengajukan soalan kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada sinergi di antara Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal

Luar Negeri dalam perkara ini dapat diwujudkan bagi mengelakkan duplikasi kerja dan menjimatkan kos. Kaola percaya dalam keadaan ekonomi di mana kita berusaha menjimatkan perbelanjaan, *multitasking* mungkin salah satu cara yang boleh kita praktik.

Akhir sekali Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menyentuh Kod 102/0000 – Penyelidikan dan Perancangan Strategik, yang antara fungsi dan objektifnya ialah memantau perkembangan ekonomi dan kewangan tempatan dan menghasilkan cadangan-cadangan dasar.

Kaola menyokong sepenuhnya kerja-kerja yang dibuat oleh *CSPS* kerana ia banyak menyentuh isu strategik ekonomi yang diharap akan membawa kepada satu *paradigm shift* dalam dasar dan pelan tindakan negara.

Pertanyaan kaola, berapa peratuskah kertas cadangan dasar yang telah diterima, diserapkan dalam penggubalan sesuatu dasar yang diguna pakai pada masa ini? Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telahpun mendengar perbahasan yang disuarakan oleh enam belas orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, mengenai dengan Tajuk SD01A hingga SD09A. Dan sekarang tibalah masanya bagi kita untuk menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan respon ataupun menjawab beberapa soalan yang telah

dikemukakan. Saya persilakan Yang Berhormat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih dan junjung kasih atas soalan-soalan serta cadangan yang diajukan.

Secara amnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi terus berusaha untuk memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, selaras jua dengan matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola akan cuba menjawab sebaik mungkin dalam masa yang dihadkan ataupun mungkin mengambil sedikit lebih banyak masa.

Namun, bagi soalan-soalan yang memerlukan penjelasan yang terperinci, insya-Allah, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan memberi maklum balas mengenainya secara bertulis nanti, insya Allah.

Ada beberapa soalan jua oleh sebab kesalahfahaman bagi bajet peruntukan yang disediakan, ada seperti yang peruntukan yang disediakan untuk

Perindustrian dan Bisnes Ekosistem, diberikan \$284,000 untuk di bawah Pembangunan Sosio-ekonomi Negara.

Peruntukan ani sebenarnya untuk perbelanjaan seharian bukannya untuk mengembangkan ekosistem industri. Peruntukan untuk pembangunan ekosistem negara ataupun membantu sektor PMKS ani, Memang di bukannya dalam bajet kitani, diperuntukan di bawah satu badan berkanun iaitu *BEDB* dan beberapa agensi kerajaan.

Jadi, untuk menjawab soalan diajukan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan hasil kutipan *Treasury* yang mana *baselinenya* \$221 juta dan sasarannya dalam beberapa tahun yang akan datang ani ada di bawah *baseline* ani.

Untuk mengongsikan *baseline* \$221.1 juta ini adalah berasaskan, mula diguna pakai pada Tahun Kewangan 2014/2015. Sejak itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah jua memberikan beberapa perubahan dari segi percukaian.

Jadi oleh itu, dasar itu ada negatiflah impak kepada pendapatan seperti syarikat-syarikat yang berpendapatan di bawah \$1 juta inda perlu dikira mem*fine*, inda perlu membayar cukai dan oleh itu, kebanyakan syarikat yang besar itu dipecah-pecahnya syarikat menjadikan lebih banyak syarikat semuanya di bawah \$1 juta pendapatannya. Jadi, semua inda membayar cukai. Ani adalah *negative impact* kepada pendapatan kerajaan. Jadi, untuk kitani meneliti isu ini adalah satu langkah ke hadapan kitani kan

mereview balik semua dasar-dasar tersebut. Jadi untuk melihat kepada pendapatan sebenar bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi selepas anggaran ataupun sasaran dicatit dalam Buku Kewangan ani, yang sebenarnya ada meningkat.

Jadi, Insya Allah Kementerian Kewangan dan Ekonomi memang mengambil berat isu ani supaya semua syarikat sendirian berhad membayar cukai pendapatan. Tapi dalam ada satu soalan mengenai dengan berapa tah syarikat yang membayar, berapa tah inda membayar.

Kalau dilihat dalam rekod ROCBN, mungkin ada kebanyakan sendirian berhad yang berdaftar inda aktif ataupun *dormant* tapi inda dorang kira masih lagi *berregister* di ROCBN. Ani jua satu langkah Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk diambil tindakan jua sekiranya ia kalau inda *berfile* atau inda aktif lagi mungkin akan digunakan kuasa di bawah ROCBN untuk di *strike off* pendaftarannya.

Ada juga soalan mengenai dengan Bank Usahawan. Sebenarnya Bank Usahawan ani inda menggunakan bajet kerajaan jadi sebenarnya inda perlu dibincangkan dalam Dewan yang mulia ani. Tapi ambil kesempatan ani jua, kaola memohon izin supaya diberikan sedikit penerangan mengenai dengan aktiviti-aktiviti yang masa ani di bawah Bank Usahawan.

Setakat ani, terdapat 806 pinjaman kewangan telah diberikan kepada PMKS

kitani sehingga Disember 2024. Jadi memang dalam masa yang kebelakangan ani ada sudah Lembaga Bank Usahawan menukar strateginya supaya peluang pinjaman ani diberikan lebih fokus kepada perusahaan mikro dan yang mana pengusaha-pengusaha yang bergolong dalam kategori *Economically Vulnerable Group* ani lah focus, kira *the new focus* lah kepada Bank Usahawan.

Jadi sebagai hala tuju seterusnya Bank Usahawan jua kan meningkatkan perkhidmatan yang mesra pelanggan *just to improve the customer service*. Ini bermakna jua Bank Usahawan ani ia akan berintegrasikan dengan pihak pelanggan termasuk mikro ataupun PMKS tempatan lebih fahami keperluan pelanggan dan cabaran-cabaran mereka selaku pengusaha berskala mikro atu.

Dalam hal ani jua pihak Bank Usahawan bekerjasama dengan BEDB sama-sama saling membantu untuk memberikan latihan kepada pembangunan pengusaha-pengusaha PMKS seperti *Basic Book-Keeping, Financial Literacy*. Kedua-dua agensi ani BEDB sama DARE saling bekerjasama yang mana Bank Usahawan memberikan pinjaman kewangan kepada graduan-graduan program *incubation* dari DARE.

Bank Usahawan jua terlibat dalam apa jua acara-acara SME yang diadakan oleh pihak DARE seperti forum dan ekspo PMKS. Atu saja mengenai dengan Bank Usahawan.

Seterusnya, ada beberapa jua mengenai dengan pertanyaan mengenai dengan apa namanya ni Kastam ataupun Jabatan Kastam dan Eksais. Walaupun bajetnya meningkat \$70,000 tetapi Jabatan Kastam dan Eksais pada masa ini sudah banyak menggunakan *online* dan *digital* jadi perbelanjaan ada dalam kira lebih banyak berjimat.

Jadi ada satu usaha jua sepertimana kaola telah kongsi sebelum ini jua, ada satu kerjasama PPP menggunakan x-ray bekerjasama dengan *Muara Port Company* menggunakan x-ray ini ia dapat macam *meniscan* kontena sekaligus.

Jadi ini sudah menjimatkan perbelanjaan Jabatan Kastam dan Eksais. Jadi yang operasi-operasi yang lain itu selalunya bekerjasama dengan Polis, Operasi Sepadudengan agensi lain.

Jadi ini kira sama-sama dapat meningkatkan bilangan operasi dengan kos yang lebih terkawal. Jadi ini maksudnya, walaupun *budget* ini meningkat ini semestinya maksudnya perkhidmatannya adalah berkurang.

Satu lagi, pendaftaran di ROCBN kenapa ia ini dapat diproses dalam 24 jam 7 hari. Ingin jua kaola kan bertanya kenapa mesti kan mengadakan 24 jam dalam 7 hari itu jua? Mungkin Ahli Yang Berhormat dapat memberikan penjelasan sedikit sebelum kaola menjawab.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Perkhidmatan untuk mempermudah orang ramai untuk mengubah sistem untuk mempercepatkan proses-proses tersebut. Adalah ini untuk meminta pencerahan saja kepada Yang Berhormat Menteri sama ada ada kesesuaian atau tidak dengan sistem yang dicadangkan ini. Itu saja.

Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

Ok, terima kasih. Sebenarnya orang ramai kalau ingin jua mendaftar syarikat boleh menghantar permohonannya melalui *online* jadi bila waktunya nanti hari bekerja dapat diproses *immediately*, dalam sehari saja.

Jadi kalau ada sekiranya ada kelambatan pun dalam beberapa hari itu saja. Jadi inna, anu lah, sebelum ini memang ada *target* untuk kitani mendaftar *company* dalam sehari untuk meningkatkan kitani tahap kitani di dalam *ease of doing business* tapi ada jua masalahnya dengan pendekatan itu *because* ada kedapatan yang banyak masalah yang *especially* orang tempatan namanya digunakan untuk mendaftar syarikat sendirian berhad itu inna sebenarnya inna ia pulang tahu sebenarnya namanya kana pakai ataupun inna ia faham jua apa sebenarnya perniagaan itu.

Jadi anilah beberapa ROCBN telah mengambil beberapa langkah untuk membuat pengesahan supaya orang yang mendaftar sebagai *shareholder* ataupun *director*, ia banar-banar yang ia mengaku ia menjadi *shareholder* ataupun *director* atau ataupun ia sebenarnya yang faham mengenai dengan *business* yang didaftarkan itu. Jadi anilah untuk langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjaga *interest* orang-orang kitani *especially* banyaknya namanya kana pakai inda ia tau ia rupanya jadi *director* ataupun *shareholder*.

Ada satu soalan mengenai dengan FTA kitani. Untuk dikongsikan FTA kitani, kitani masa ini terdapat 10 FTA, ganya FTA ini penting untuk kitani meningkatkan pertalian ekonomi Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara lain untuk memudahkan eksport bukan saja membuka *market*, pasaran syarikat-syarikat kitani dan juga ia meneliti isu-isu seperti sekatan perdagangan, *trade barriers* dan sebagainya. So ada jua isu-isu mengenai dengan *rules of origin* dan sebagainya.

Jadi dengan usaha kitani sudah mendapatkan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ini dapatlah digalakkan orang *local business* untuk mengambil *benefit-benefit*nya.

Mengenai dengan *certificate of origin* setakat ini sudah nampak ada peningkatan kitani punya eksport dari tahun 2023 nilainya \$1.9 bilion, 2024 dalam setahun itu sudah meningkat ke

USD 2.5 bilion terutama sekali oleh kerana kitani adalah satu ahli dalam CPTPP yang mana kitani telah berjaya mengeksport kepada negeri-negeri seperti Chile, Peru, Mexico yang pertama kali.

Untuk kitani teruskan *socialize certificate of origin* kepada orang ramai memang ada sudah berapa sesi kitani mengongsikan kepada *business-business* kitani, berkerjasama dengan United Kingdom, Canada dan sebagainya. Jadi pada masa depan usaha ini akan dipertingkatkan lagi.

Ada soalan mengenai dengan RKN10, RKN11 kenapa ia belum lagi terlambat siap dan sebagainya memang ini banyak *lesson* dapat kitani pelajari daripada *experience* kitani sebelum ini memang untuk inda panjang lebar jawapan kaola memang satu *on-going effort* lah kitani cubakan meningkatkan pencapaian kitani. Insya Allah.

Ada beberapa soalan sudah kaola jawab sebelum ini secara bertulis soalan yang inda sempat jawab dalam beberapa hari yang lalu mengenai dengan kelambatan pembayaran jadi kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat akan bertanya pasal mengenai soalan ini boleh merujuk kepada *hansard* sebelum ini. Ada juga satu soalan daripada Yang Berhormat Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai dengan Projek Hijau, ada jua terdapat dalam *hansard* itu yang sudah dijawab secara bertulis.

Nampaknya masanya sudah, jadi kalau bagi soalan-soalan anda sempat kaola jawab insya Allah kaola yang mana yang kira penting kaola insya Allah akan menjawab secara bertulis, Insya Allah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Dengan ingatan bahawa ia akan menjawab beberapa soalan secara bertulis kemudian nanti maka saya kira sampailah masa bagi kita untuk mengundi Tajuk ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju sila angkat tangan.

**(Ahli-Ahli Yang Berhormat
mengangkat tangan tanda
bersetuju)**

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju, maka Tajuk SD01A hingga SD09A Kementerian Kewangan dan Ekonomi diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tajuk SE01A hingga SE12A.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang Jawatankuasa akan membincangkan Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka saya sekarang ingin membukakan Tajuk ini untuk dibahaskan dan saya seperti biasa saya akan membagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang

Di-Lantik yang suka untuk membahaskan Tajuk-Tajuk ini kepada tiga bahagian.

Bahagian yang pertama akan dimulakan dengan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Diikuti dengan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mempunyai beberapa soalan, SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan bajet di^{propose} \$5 juta, Kod 005/000 Pengurusan Kuasa-Kuasa Perbandaran. \$200 ribu, perbelanjaan 2025.

Objektif antaranya ialah memperkembangkan dan kemajuan kawasan bandaran mengembangkan perekonomian. Apakah langkah-langkah penguatkuasaan yang akan diambil oleh untuk memastikan premis-premis mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan terutama di pasar-pasar dan tamu di seluruh negara yang sebahagian besarnya yang dikendalikan oleh warga asing walaupun empunya lesen orang tempatan.

Mungkin sudah masanya *business-business* kecil yang menyewa premis kerajaan ini mesti diungkayahkan oleh orang kitani yang empunya lesen.

SE03A Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, bajet \$6.8 juta. Objektifnya antaranya ialah menekankan pembangunan bandar dari segi keselamatan, keamanan, keselesaan dan keceriaan, *vibrancy* tetapi Prestasi Petunjuk Utama semua agensi ini masa ini hanya memfokuskan pada kutipan hasil.

Kaola berpendapat pihak lembaga perlu memperkenalkan KPI-KPI yang mencerminkan untuk mencapai objektif utama lembaga ini seperti contoh KPI berkaitan kenaikan ekonomi, interaksi sosial, kepelbagaian budaya dan sebagainya. Inilah di antara-antara contoh yang boleh memberikan penilaian yang tepat terhadap program-program yang dilaksanakan. Ini juga perlu diserapkan ke setiap daerah bagi memastikan keseragaman dan keberkesanan program.

Kod 003/000 Pengurusan Aset dan Penguatkuasaan. Perniagaan semasa tempoh *COVID-19* kebanyakannya perniagaan berasaskan di rumah berkembang pesat dan kebanyakan perusahaan ini dijalankan oleh warga yang berpendapatan rendah, ibu tunggal dan warga emas rata-rata untuk membantu ekonomi keluarga sambil mengurus rumahtangga dan menjaga anak-anak damit dan percucuan di rumah.

Mungkin kini penguatkuasaan yang ketat telah menyebabkan banyak perniagaan kecil, *home based business* dipaksa ditutup dengan teguran undang-undang. Akibatnya mereka terpaksa menghantar produk-produk mereka kepada perniagaan *Ali Chandran* yang mengenakan 20% *mark-up* dan mengurangkan keuntungan mereka. Dalam keadaan ekonomi yang semasa ini adalah lebih wajar untuk kita menyokong perniagaan tempatan daripada melaksanakan penguatkuasaan berlebihan kerana ianya menguntungkan perniagaan kecil yang dijalankan oleh warga asing *Ali Chandran*.

SE05A Jabatan Buruh. Dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri beberapa hari lepas data dari Jabatan Buruh mengenai pas kerja 75 ribu untuk pekerja awam dan 13 ribu pembantu domestik, sudah tentu Jabatan Buruh telah pun membuat analisis terperinci mengenai sektor ini dan tahun-tahun bila pas kerja yang akan mansuh.

Kaola mohon pencerahan sama ada data-data begitu telah dikongsikan kepada agensi-agensi kerajaan untuk menggantikan Pelan Tindakan Kebangsaan untuk menggantikan tenaga tempatan dengan *succession planning* menyediakan anak-anak tempatan dengan kemahiran yang perlu dan adakah usaha kementerian untuk memperkenalkan insentif atau disinsentif dalam skim untuk memberi rangsangan kepada industri-industri yang ada pas kerja untuk menyumbang dana bagi

membina kemahiran untuk pekerja anak-anak tempatan.

SE01A Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengurusan Pentadbiran, \$11 juta. Ini ialah untuk membangun komuniti dan penyampaian khidmat yang berkualiti, memerlukan pemimpin *visionary*, berpengetahuan luas dan memahami perkembangan setempat dan atas itu memerlukan *leaders* bermastautin bersama rakyat yang dipimpin.

Sejauh mana dasar kementerian untuk mengenal pasti calon-calon pemimpin ini diterapkan dalam perancangan penggantian pemimpin-pemimpin seperti pegawai daerah dan penghulu dan ketua kampung supaya bermastautin di tempat mereka ditugaskan. Assalamualaikum warrahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warrahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang bagi membahaskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Peruntukan Kewangan Tahun 2025/2026. Apa yang diharapkan agar semua perancangan dapat direalisasikan dengan jayanya.

Merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada 4 Ramadan 1446 iaitu bersamaan dengan 5 Mac 2025, berkenaan dengan Projek Menaik Taraf Pos-Pos Kawalan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Kaola menyambut baik perkembangan ini yang mana perkara ini kaola pernah suarakan pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Ke-20 berkenaan dengan keadaan bangunan dan infrastruktur Pos Kawalan Labu dan Pos Kawalan Ujung Jalan yang memerlukan perhatian.

Seterusnya, kaola merujuk kepada Tajuk SE11A Jabatan Penjara, Kod 002/001. Institusi Penjara iaitu antara objektif utama jabatan adalah memantapkan sistem pengawalan dan keselamatan penjara bagi membolehkan penghuni-penghuni dapat menjalankan pemenjaraan dan program pemulihan dengan teratur dan selamat. Kaola merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama berkenaan dengan peratus bilangan bekas banduan masuk semula ke penjara selepas dibebaskan yang mana anggaran bagi Tahun 2023/2024 adalah sama dengan peratus sebenar iaitu 12.5%, secara logiknya penghuni yang sama dibebaskan masuk semula ke penjara.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan apakah jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh penghuni sehingga masuk kembali ke penjara? Apakah usaha-usaha yang dilaksanakan bagi mengurangkannya sesuai dengan objektif Jabatan Penjara sepertimana

sasaran peratus Tahun 2025/2026 ialah 10%. Mohon pencerahan mengenainya.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola merujuk kepada Tajuk SE11A Jabatan Penjara. Kaola menyambut baik inisiatif Jabatan Penjara memperkenalkan produk INSAF iaitu produk hasil kerja tangan banduan-banduan seperti meja seterika, meja kopi, rehal, meja serbaguna serta hasil seni kraf termasuklah khat tulisan jawi melalui ekspo-ekspo dan pameran sebagai usaha-usaha menjadikan banduan sebagai insan yang berguna, mempunyai jati diri yang positif, bertanggungjawab, berdisiplin serta mampu untuk berdiri sendiri setelah mereka dibebaskan nanti.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan berkenaan dengan hasil penjualan produk-produk ini. Adakah diserahkan sepenuhnya kepada banduan berkenaan?

Dan apakah jumlah hasil jualan produk INSAF ini dalam tempoh setahun? Untuk memperluaskan pemasaran produk INSAF, apakah ada perancangan ke arah

menjual produk-produk ini setiap hari melalui premis produk INSAF yang boleh dikunjungi oleh orang ramai? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola merujuk Tajuk SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Anggaran Perbelanjaan Kemajuan RKN12/11, Tajuk Memajukan Industri Pelancongan, Pecahan 011 iaitu Pengukuhan Produk atau Pakej Pelancongan Kampung Air dengan jumlah keseluruhan rancangan sebanyak \$5,780,000 juta dan Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2025/2026 sebanyak \$734,600.00.

Kaola merujuk kepada, kaola ingin memohon pencerahan mengenai produk ataupun pakej pelancongan yang dimaksudkan di dalam projek ini dan kawasan kampung yang disasarkan ataupun *target area*-nya.

Kaola menyokong sepenuhnya peruntukan dan projek ini dan menyegerakan penyelesaiannya adalah lebih baik dan dialu-alukan mengambil kira potensi tinggi sektor pelancongan dalam menjana peningkatan ekonomi negara yang lebih tinggi dan mapan, Insya Allah.

Bagi Tajuk yang kedua, kaola merujuk SE06A Pejabat Daerah Brunei dan Muara,

Kod 004/000 Kemajuan dan Pembangunan Daerah.

Kaola mendapati adanya pengurangan yang drastik dalam agihan peruntukan bagi kod ini bagi Tahun Kewangan 2025/2026 yang baharu ini iaitu pengurangan sebanyak 99.5% yang mana peruntukan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang lalu, adalah \$167,580.00 berbanding \$840 peruntukan pada Tahun Kewangan 2025/2026 yang terkandung ataupun dituliskan di dalam Buku Belanjawan yang ada pada abis kaola di sini.

Oleh kerana itu, kaola mohon pencerahan mengenai rasional pengurangan yang besar ini dan perincian program-program yang dilaksanakan. Bagaimanakah peruntukan ini mampu memenuhi sasaran dan objektif yang ditetapkan oleh kementerian iaitu menyediakan prasarana-prasarana yang lengkap, kondusif dan komprehensif kepada masyarakat bagi menjaga kemaslahatan masyarakat termasuk mendukung perkembangan perusahaan dan perniagaan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu diucapkan tahniah

kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di atas inisiatif dan perubahan dasar yang baharu yang Berhormat kongsiikan dalam Dewan ini, yang kaola rasa akan memberikan impak positif ke arah meningkatkan perkembangan ekonomi negara secara menyeluruh, Insya Allah.

Kaola hanya akan menumpukan intervensi kaola kepada beberapa perkara sahaja. Pertama, dalam belanjawan yang dicadangkan secara keseluruhannya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di dalamnya telah diberikan tambahan sebanyak \$3.2 juta bagi perbelanjaan biasa.

Pertambahan terbesar ialah bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat sebanyak \$2.1 juta diikuti dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri dengan pertambahan sebanyak \$1.2 juta. Alhamdulillah, semua daerah juga telah menerima sedikit kenaikan mengikut keperluannya.

Cuma kaola perhatikan dalam Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, terdapat satu kod baharu diperkenalkan iaitu Kod 001/007 Kemudahan Perwakilan Tetap. Ke arah itu, kaola memohon pencerahan apakah sebenarnya objektif projek ini dan apakah *intended output* atau sasaran yang akan diraih darinya?

Kedua, kaola ingin menarik perhatian kepada Akaun 1205-001 – Pembangunan Semula Kampung Ayer yang disediakan

harga rancangan sebanyak \$32.8 juta dalam RKN ke-12 yang mana pada Tahun Kewangan 2025/2026 ini, jumlah yang diperuntukkan bagi projek ini hanya sebanyak \$10 ribu berbanding dengan \$328 ribu pada tahun lepas yang membayangkan projek ini mungkin diteliti semula keutamaannya atau ditangguhkan pelaksanaannya.

Ke arah itu, kaola memohon pencerahan apakah perkembangan sebenar dan terkini projek ini, serta adakah kaedah-kaedah lain yang boleh dilaksanakan bagi memperbaiki keadaan suasana perkampungan air ini.

Perkara ini, kaola bangkitkan mengambil kira pengertian kaola bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, banyak sudah insiden-insiden rumah roboh, kebakaran dan kerosakan-kerosakan yang berlaku ke atas rumah-rumah di Kampung Ayer ini, misalnya yang disebabkan oleh angin kencang, pendawaian elektrik yang tidak teratur dan lain-lain musibah yang boleh saja menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan penghuni-penghuni tempatan yang terlibat.

Yang terakhir sekali, Alhamdulillah, semenjak tahun lepas banyak aktiviti terutamanya di waktu malam telah diperkenalkan untuk menceriakan lagi Bandar Seri Begawan. Kita telah menyaksikan gerai-gerai makan dibuka di kawasan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, begitu juga di kawasan berdekatan dengan *Royal Regalia* dan di Pasar Gadong.

Alhamdulillah, diucapkan syabas dan tahniah diatas usaha ini, yang bukan saja dapat meningkatkan keceriaan Bandar malahan juga dapat meningkatkan pendapatan para peniaga mikro kecil dan sederhana.

Cuma kaola ingin memohon pencerahan saja mengenai Kod 002/000 Pengurusan dan Kemajuan Bandar Seri Begawan di bawah Tajuk SE02A Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, di mana walaupun secara keseluruhannya mengenai Tajuk ini, meningkat \$300 ribu namun terdapat Kod yang lain seperti Pengurusan Aset Komersial dan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Aset telah dikurangkan jumlah peruntukannya, adakah ianya tidak akan menjejaskan keberkesanan jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efektif? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya kaola ada dua perkara, tapi perkara yang pertama sudah di *touch* oleh, pembangunan semula Kampung Ayer sudah di *address* oleh Yang Berhormat Pehin tadi ah.

So, soalan yang kedua kaola ialah merujuk kepada SE02A Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, bajet keseluruhannya \$1,170,620 Kod 002/000 Pengurusan dan Kemajuan Bandar Seri Begawan, 002/003 Perancangan dan Kemajuan Bandar.

Merujuk kepada Tajuk SE02A Kod 002/003 Perancang dan Kemajuan Bandar. Soalan kaola, apakah strategi dan pelan tindakan yang dirancang untuk memajukan bandar-bandar di negara kita khususnya Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait?

Memandangkan terdapat banyak bangunan kosong dan tidak selamat apakah strategi yang dilaksanakan untuk merobohkan bangunan-bangunan ini dan memberi laluan kepada pembangunan bangunan baru yang melambangkan identiti Brunei? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, dan sekarang saya akan membacakan kumpulan yang kedua. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin dan Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mengenai Pengurusan dan Kemajuan Bandar Seri Begawan, Tajuk SE02A, 00/000. Pemandangan Kawasan Bandar Seri Begawan telah

diperluaskan dan bayaran *fees* bagi perkhidmatan-perkhidmatan telah meningkat, mohon pencerahan mengenai kualiti perkhidmatan kebersihan serta pemeliharaan dan pemulihan aset, adakah peningkatan tersebut telah diselaraskan dengan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan.

Seterusnya mengenai dengan jumlah kutipan tunggakan hasil. Merujuk kepada KPI, jumlah kutipan tunggakan hasil yang dianggarkan sasarannya sebanyak \$7 juta setahun sehingga 028. Mohon pencerahan jumlah keseluruhan kutipan yang tertunggak? Apakah usaha-usaha agar tunggakan ini dapat diselesaikan dan tidak meningkat dari setahun ke setahun? Apakah tindakan yang dikenakan keatas pemilik premis yang tidak membayar tunggakan secara berterusan untuk beberapa tahun?

Di cadangkan agar garis panduan yang menetapkan tempoh untuk kementerian mengambil tindakan seperti menarik balik, *revoke* lesen perniagaan atau pun premis perniagaan yang disewa. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh beberapa Tajuk dalam membahaskan sebuah Tajuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pertamanya, Tajuk SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kod 004000 Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan dan Perpaduan Masyarakat.

Dalam Peraturan Lembaga Pengelola dalam Majlis Perundingan Kampung telah menggariskan keahlian Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan berfungsi sebagai induk dan penyelaras kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh Negara. Tujuan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah mengukuhkan keberkesanan Institusi Kampung dan Penghulu Mukim sebagai teras kepimpinan akar umbi disamping merancang serta mengusahakan rancangan-rancangan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Kaola berpendapat Lembaga Pengelola ini berperanan penting dimana keahliannya dianggotai oleh pelbagai latar belakang kepimpinan dan pengalaman sebagai platform percambahan fikiran bagi memantapkan dan memperkasakan lagi kepimpinan akar umbi, mengikut lunas-lunas penubuhan MPK dan MPM bagi mewujudkan kesejahteraan, perpaduan, keharmonian serta keharmonian serta kemakmuran masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan sama ada Lembaga

Pengelola ini diaktifkan semula sedangkan dalam Tajuk yang dicatatkan Program Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan dan Perpaduan Masyarakat bertindak sebagai urusetia kepada Lembaga Pengelola. Keduanya, yang berkaitan dengan Tajuk ini jua.

Kaola menyambut baik Program Keusahawanan Masyarakat Mukim dan Kampung yang telah mula menunjukkan hasil memberangsangkan sebagai contoh KPI bagi jumlah keseluruhan keusahawanan 1K1P yang menyertai perekonomian masyarakat kampung telah mencapai sasaran 56 % bagi Tahun 2022/2023, di samping itu, kaola juga menyokong usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berterusan dalam memperkasakan lagi satu 1K1P pada sasaran yang lebih tinggi iaitu 65% bagi Tahun 2025/2026.

Dalam hubungan ini, kaola memohon pencerahan apakah bentuk kemudahan dan bantuan termasuk kemudahan peruntukan kewangan khususnya serta insentif yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam usaha kita bersama untuk mendorong dan mendukung lebih banyak lagi pengusaha-pengusaha 1K1P untuk bergiat secara aktif dalam mengembangluaskan lagi pelbagai produk dari aspek kualiti, produktiviti, inovasi dan kreativiti bukan sahaja memenuhi pasaran domestik malahan insya Allah berpotensi ke pasaran luar negeri. Ini sudah setentunya sekali gus meningkatkan lagi taraf kehidupan masyarakat setempat yang

menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Soalan seterusnya ialah yang berhubung kait dengan SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kod 001/000, Program Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan yang ada kaitannya dengan Tajuk 1213 Mengukuhkan Infrastruktur ICT Teknologi Maklumat dan Infokomunikasi di bawah Sub Tajuk 04 Sistem Pendaftaran Nasional dan juga Sub Tajuk, iaitu *One MOHA System*.

Mengikut program ini antara lainnya bertujuan untuk memastikan sistem infrastruktur IT sentiasa berkembang selari dengan peredaran masa dan memenuhi piawaian antarabangsa. Alhamdulillah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah sangat-sangat komited untuk melaksanakan projek berinovasi yang mentransformasikan sistem digital ICT bagi meningkatkan keberkesanan dan memudahkan cara perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada orang ramai.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin memohon pencerahan apakah status pelaksanaan perkembangan sistem pendaftaran nasional pada masa ini dan juga status pelaksanaan perkembangan *One MOHA System* pada masa ini juga, dan akhirnya adakah sudah disediakan latihan dan kemahiran-kemahiran kepada pegawai-pegawai yang berkenaan dalam usaha memastikan transformasi digital ini beroperasi dengan teratur.

Kaola tidak akan menyentuh soalan seterusnya kerana rakan sejawat telah pun Yang Berhormat Pengerusi telah pun menyentuh bahagian Bandaran. Jadinya kaola tidak akan menyambung. Kaola dengan sudahi wabillahi taufik wal hidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin membahaskan Tajuk SE01A Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya Kod 002/000 Pengurusan Bencana Kebangsaan. Negara Brunei Darussalam tidak terlepas daripada cabaran bencana alam dan insiden kecemasan yang semakin kompleks seperti hujan lebat yang menyebabkan banjir kilat, tanah runtuh serta kebakaran hutan yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan boleh mengambil pendekatan yang lebih holistik dan bersepadu. Bukan hanya dalam tindak balas kecemasan tetapi juga dalam aspek kesiapsiagaan jangka panjang serta pemulihan pasca bencana.

Kaola menghargai usaha berterusan kementerian dalam memperkukuh sistem pengurusan bencana termasuk melalui kerjasama antara pelbagai agensi dalam latihan kesiapsiagaan yang diadakan dari semasa ke semasa. Ini adalah langkah penting dalam memastikan setiap

pasukan mempunyai kesediaan yang tinggi dalam menghadapi pelbagai bentuk bencana. Namun dalam memastikan keberkesanan strategi ini, latihan berkala mungkin tidak mencukupi jika tidak disertai dengan peningkatan kapasiti tenaga kerja, fasiliti dan sistem pemantauan yang lebih canggih.

Salah satu aspek yang kaola ingin beri perhatian ialah pemantauan risiko bencana yang lebih dinamik dan bersepadu. Dengan perubahan iklim global serta perkembangan pesat kawasan bandar, pemantauan risiko tidak boleh lagi bergantung kepada analisis tradisional semata-mata. Oleh itu kaola mencadangkan agar sistem pemantauan risiko dibangunkan secara lebih menyeluruh dengan berasaskan data *real time*. Sistem ini boleh menggabungkan data cuaca keadaan tanah, corak hujan serta pergerakan air bawah tanah untuk mengenal pasti kawasan berisiko tinggi dengan lebih tepat.

Selain itu, kaola berpandangan bahawa pengukuhan kapasiti tenaga kerja dalam pengurusan bencana perlu diberi keutamaan. Dalam menghadapi insiden bencana yang semakin tidak menentu, peningkatan jumlah anggota pasukan, tindak balas kecemasan bukan sahaja satu keperluan tetapi satu keutamaan.

Oleh itu, kaola mencadangkan agar *recruitment* dan latihan khusus bagi Pasukan Tindak Balas Bencana diperkukuh dengan fokus kepada kemahiran teknikal, kordinasi operasi

antara agensi serta penggunaan teknologi dalam pengurusan bencana.

Dari segi fasiliti kecemasan, kaola berpandangan bahawa pusat perlindungan sementara perlu dinaik taraf bagi memastikan ia lebih selesa, selamat dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Ruang pemindahan yang lebih sistematik dengan kemudahan perubahan yang lebih lengkap serta sistem penyaluran maklumat yang lebih cekap perlu diwujudkan agar setiap mangsa bencana mendapat bantuan dengan lebih pantas dan teratur.

Kaola juga menyambut baik langkah-langkah penyelarasan antara NDMC, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta Kementerian Kesihatan dalam menguruskan bencana bagi meningkatkan kecekapan kordinasi dan pemantauan bencana secara menyeluruh, kaola mencadangkan pembangunan sistem digital berpusat yang membolehkan pengurusan data, masa nyata antara semua agensi berkaitan.

Dengan adanya sistem ini, tindak balas kecemasan dapat dimobilisasi dengan lebih pantas. Sumber dapat diagihkan dengan lebih strategik dan maklumat dapat dikemaskini secara terus kepada pihak berkepentingan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, kaola mengucapkan terima kasih atas peluang bagi membahaskan belanjawan peruntukan kewangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 2025/2026.

Kaola bercakap berkenaan dengan Tajuk SE05A Jabatan Buruh. Kaola tertarik dengan data yang diberikan oleh Jabatan Buruh melalui Banci Majikan dan Pekerja Tahun 2024 yang dilaksanakan oleh pihak jabatan di mana setakat 1 April 2024, 1,444 syarikat yang didaftarkan sebagai kedai runcit yang mana sebahagian besarnya dimiliki oleh warga Negara Brunei Darussalam yang mana seramai 6,001 pekerja tempatan dan 8,350 pekerja asing direkodkan bekerja di sektor perniagaan runcit. Sebahagian besar anak tempatan bekerja dalam bidang jualan dan manakala pekerja asing sebagai pekerja asas seperti buruh kedai.

Berdasarkan data berkenaan, pekerja asing masih dominan di sektor perniagaan runcit. Kaola memohon pencerahan berdasarkan banci tersebut, apakah pekerja-pekerja tempatan di sektor kedai runcit ini berdaftar dengan Jabatan Buruh serta berapakah purata gaji yang diterima sebulan dan adakah mereka ini mendapat manfaat-manfaat pekerja seperti caruman TAP dan SCP.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin membahaskan Tajuk SE06A Pejabat Daerah Brunei dan Muara, khusus Kod 005/001 Pemeliharaan Jambatan dan Jeti Kampung Air.

Alhamdulillah, terdapat peningkatan peruntukan bagi pemeliharaan jambatan dan jeti Kampong Ayer iaitu \$711,420.00 berbanding peruntukan tahun 2024/2025 \$531,640.00. Kampong Ayer bukanlah sekadar satu kawasan penempatan tapi ianya adalah identiti negara dan simbol warisan Negara Brunei Darussalam.

Sejarahnya yang mula sejak sekian lama menjadikannya salah satu penempatan air tertua dan paling dikenali di dunia dengan nilai budaya yang tidak ternilai. Ia juga merupakan bukti kesinambungan cara hidup masyarakat Brunei yang berpaksikan adat dan tradisi sambil terus menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa.

Pada hari ini Kampong Ayer berada di persimpangan penting, di satu pihak usaha kerajaan dalam memastikan titian-titian kayu di selenggara secara berterusan, mencerminkan komitmen terhadap keselamatan dan kesejahteraan

penduduk. Seperti yang telah di kongsi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada beberapa hari yang lalu dalam Kenyataan Menteri.

Pada masa yang sama, kita tidak dapat menafikan bahawa struktur kayu yang sedia ada mungkin tidak lagi mampan dalam jangka panjang dengan pendedahan kepada cuaca, kelembapan dan keperluan penduduk yang semakin berkembang. Penyelenggaraan berterusan memerlukan kos yang besar setiap tahun sedangkan masalah yang sama tetap berulang.

Kaola berpandangan bahawa sudah tiba masanya untuk mempertimbangkan penyelesaian yang lebih strategik dan lestari dalam membangunkan infrastruktur Kampong Ayer. Ini bukan sekadar isu kemudahan asas tetapi satu persoalan pembangunan nasional yang menyentuh warisan negara, keselamatan rakyat dan masa depan kawasan ini sebagai sebahagian daripada landskap bandar Brunei yang moden dan inklusif. Sebagai langkah ke hadapan, kaola mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan peralihan secara beransur-ansur daripada titian kayu kepada jambatan konkrit di laluan utama Kampong Ayer yang sepertimana dibuat di beberapa kawasan di Kampong Ayer.

Ini bukan sekadar cadangan teknikal tetapi satu transformasi infrastruktur yang boleh membawa impak positif dalam pelbagai aspek. Dari sudut keselamatan dan kesejahteraan rakyat,

jambatan konkrit menawarkan ketahanan yang lebih tinggi, mengurangkan risiko kemalangan akibat titian kayu yang licin dan mudah rosak. Kanak-kanak yang berulang-alik ke sekolah, warga emas dan ibu bapa yang membawa anak kecil akan mendapat manfaat daripada laluan yang lebih selamat dan stabil terutama dalam cuaca hujan.

Dari segi keberkesanan kos dalam jangka panjang, walaupun kos pembinaan awal mungkin lebih tinggi, jambatan konkrit boleh mengurangkan pergantungan kepada pembaikan berulang yang melibatkan peruntukan besar setiap tahun. Dengan struktur yang tahan lama, kerajaan dapat menjimatkan kos penyelenggaraan dan mengalihkan sumber kepada projek-projek lain yang memberi manfaat kepada penduduk.

Dari sudut keterangkuman dan aksesibiliti Kampong Ayer perlu dibangunkan secara mesra, semua lapisan masyarakat termasuk mereka yang berkeperluan khas. Buat masa ini pengguna kerusi roda dan mereka yang mengalami kesukaran berjalan mungkin menghadapi cabaran untuk bergerak dengan selesa.

Oleh itu, reka bentuk jambatan konkrit harus merangkumi akses yang lebih baik untuk golongan OKU, warga emas dan pengguna lain, sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam membina sebuah masyarakat yang inklusif.

Dalam konteks pembangunan ekonomi dan daya saing negara, Kampong Ayer bukan hanya kawasan kediaman tetapi juga aset pelancongan dan ekonomi negara. Pelancongan dari dalam dan luar negara melihat sebagai tarikan utama namun imej Kampong Ayer akan lebih terserlah sekiranya infrastruktur di naik taraf dengan cara yang membiar tradisi sambil menyesuaikan diri dengan keperluan moden.

Dengan jambatan konkrit yang direka dengan elemen estetik yang bersesuaian dengan warisan Kampong Ayer, ia bukan sahaja memelihara keunikan kawasan ini tetapi turut meningkatkan potensi ekonomi dan pelancongan.

Kaola memahami bahawa perubahan in memerlukan perancangan rapi dan perlu dilakukan secara berperingkat serta dengan penglibatan penuh penduduk tempatan. Oleh itu, kaola mencadangkan supaya satu kajian kebolehlaksanaan yang menyeluruh dijalankan untuk mengenal pasti laluan utama yang paling sesuai untuk di naik taraf terlebih dahulu.

Kajian ini juga perlu mengambil kira suara penduduk memastikan perancangan yang inklusif serta mempertimbangkan aspek alam sekitar dan budaya. Sebagai negara yang sedang bergerak ke arah pembangunan yang lebih mampan dan inklusif, pelaburan dalam infrastuktur Kampong Ayer bukan hanya mengenai membina jambatan yang lebih kukuh tetapi juga mengenai membina masa depan Kampong Ayer sebagi sebahagian dari

bandar yang lebih moden, selamat dan berdaya saing. Ini adalah pelaburan untuk warisan negara, kesejahteraan rakyat dan kemajuan ekonomi. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Lau How

Teck: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk-Tajuk SE06A hingga SE09A Pejabat-Pejabat Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, mengenai peranan dewan kemasyarakatan dijadikan sebagai pusat perhimpunan dan aktiviti masyarakat, menjadikannya satu infrastruktur penting dalam memperkukuhkan jaringan sosial serta mendokong program pembangunan komuniti.

Sehubungan dengan itu, pejabat-pejabat daerah memainkan peranan penting dalam menyelaraskan dan memastikan dewan kemasyarakatan di manfaatkan secara lebih optimum.

Walau bagaimanapun, terdapat dewan kemasyarakatan yang dibina melalui tajaan sektor swasta tetapi dalam keadaan kurang terurus dan tidak digunakan sepenuhnya seperti di Kampung Rampayoh.

Isu seperti dewan yang tidak aktif, jalan sekitar yang sering berair serta

kurangnya program atau aktiviti yang dijalankan, menjadikan kemudahan ini terbiar dan tidak memberi manfaat sepenuhnya kepada masyarakat.

Dalam hal ini, pejabat-pejabat daerah perlu memainkan peranan lebih aktif dalam memastikan penyelenggaraan serta penggunaan dewan komuniti dilaksanakan secara sistematik dan mampan. Oleh itu, kaola mencadangkan supaya satu pelan pemulihan dan mengaktifkan semula dewan kemasyarakatan dirangka dengan melibatkan kerjasama antara Jabatan Daerah, Sektor Swasta yang membiayai dewan dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Dengan adanya perancangan yang lebih tersusun, dewan ini boleh dimanfaatkan sebagai pusat aktiviti ekonomi dan sosial yang lebih aktif seperti tempat Latihan Keusahawanan, Program Belia serta aktiviti komuniti yang mampu merangsang pertumbuhan ekonomi setempat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Di samping itu, isu menyelenggaraan jalan dan infrastruktur di sekitar dewan perlu dipantau oleh pejabat-pejabat daerah dengan kerjasama Kementerian Pembangunan untuk menangani masalah saliran dan genangan air.

Langkah ini perlu dimasukkan dalam perancangan penyelenggaraan infrastruktur kampung supaya akses ke dewan tidak terjejas dan kemudahan ini dapat digunakan dengan lebih efektif.

Sekiranya dewan ini masih tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk aktiviti masyarakat, boleh dipertimbangkan kaedah penyewaan kepada sektor swasta untuk aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan kepada daerah. Pendekatan ini akan memastikan dewan tidak terbiar dan mempunyai nilai ekonomi yang dapat menyumbang kepada pembangunan komuniti.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Sekarang saya akan menjemput kumpulan yang ketiga, dimulai dengan Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan Tajuk SE06A Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Kod 003/000, iaitu Institusi Mukim dan Kampong dan Kod 004/000 iaitu Kemajuan dan Pembangunan Daerah.

Merujuk kepada laporan di media baru-baru ini mengenai beberapa gerai makanan yang menerima notis daripada

pihak autoriti atas sebab-sebab tertentu. Kaola ingin menyatakan kebimbangan yang timbul dari kalangan masyarakat terutama bagi mereka yang bergantung pada hasil jualan untuk menyara kehidupan seharian.

Dalam hal ini, adalah wajar agar kita dapat mencari penyelesaian yang lebih berhikmah dan berimbang. Bagi memastikan kebajikan para peniaga kecil ini tidak terjejas, kaola mencadangkan agar pihak kementerian dapat menyediakan tapak gerai yang lebih sesuai dan strategik sebagai alternatif.

Kaola mengambil maklum ada tapak dan kawasan yang telah dikenal pasti dan ada tanah yang sudah digazetkan malah belum ada untuk dibangunkan. Sebagai contoh tapak gerai Kampung Lumapas yang telah lama digazetkan yang mana boleh dipertimbangkan untuk direalisasikan.

Kaola ingin menegaskan bahawa kampung ini juga mempunyai potensi ekonomi yang besar dengan kepadatan penduduk yang tinggi dan semangat keusahawanan yang kuat dalam kalangan penduduknya. Sekiranya tapak gerai ini dapat dibangunkan ia akan memberi manafaat besar kepada komuniti setempat antaranya:-

Ia akan menjadi peluang ekonomi yang bagi penduduk kampung untuk menjual produk tempatan dan makanan tradisional sekaligus meningkatkan pendapatan keluarga.

Kedua, tapak gerai ini akan memperkasakan Majlis Perundingan Kampung dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti jualan dan pameran Produk 1K1P, menjadikannya sebagai Pusat Pergalakan Ekonomi Kampung.

Ketiga, dengan adanya tapak gerai ini, kawasan tersebut dapat berfungsi sebagai hab perniagaan dan interaksi sosial yang bukan sahaja menyamarakan kegiatan ekonomi tetapi juga memperkuat hubungan komuniti.

Seterusnya, perkara kedua. Merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri bertarikh 5 Mac yang lalu mengenai Dewan Kemasyarakatan seperti yang telah dibangkitkan oleh rakan Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menambah mengenainya.

Seperti yang dinyatakan, sehingga kini sebanyak 37 Dewan Kemasyarakatan telah dibina di seluruh negara bagi memenuhi keperluan aktiviti penduduk setempat.

Kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan mengenai perancangan pembinaan Dewan Kemasyarakatan di Mukim Gadong dan Mukim Lumapas kerana mukim-mukim ini masih belum mempunyai Dewan Kemasyarakatan sendiri, meskipun mukim-mukim ini telah lama berkembang pesat dan mempunyai populasi yang semakin meningkat.

Sekiranya Dewan Kemasyarakatan ini dapat dibina ia akan memberi banyak

manafaat. Antaranya ia akan berfungsi sebagai tempat berkumpul bagi majlis perhimpunan penduduk dan aktiviti keagamaan, mengeratkan silaturahim dalam suasana harmoni.

Kedua, dewan ini juga boleh dimanfaatkan sebagai pusat bagi Program Pendidikan dan Latihan. Termasuk kursus kemahiran serta bengkel yang dapat meningkatkan daya saing dan kebolehan penduduk setempat.

Ketiga, ia turut menyokong aktiviti keusahawanan khususnya dalam mempromosikan inisiatif Satu Kampung Satu Produk melalui kerjasama dengan Majlis Perundingan Kampung. Dewan ini boleh dijadikan platform pameran dan promosi produk tempatan sekaligus memperkukuhkan daya ekonomi masyarakat.

Kaola amat berharap semoga inisiatif ini dapat direalisasikan demi kepentingan ekonomi sosial dan kesejahteraan penduduk setempat. Oleh itu, mohon pihak kementerian dapat memberikan penjelasan mengenai perancangan pembinaan Dewan Kemasyarakatan dan tapak gerai ini. Adakah peruntukan yang dinyatakan di atas termasuk dalam perancangan? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Kaola terus merujuk kepada Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengurusan Bencana Kebangsaan bertindak sebagai mekanisme pengurusan dari risiko bencana dalam membentuk pelan rangka kerja dasar dan strategik seperti mana diadakan di dalam Perintah Pengurusan Bencana 2006.

Merujuk kepada buku Anggaran Perbelanjaan 2025/2026, Jabatan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri tidak dinyatakan peruntukan khusus bagi pengurusan bencana seperti bantuan bangsa banjir atau tanah runtuh, termasuklah perbelanjaan operasi misi bantuan dan mana-mana yang berkaitan.

Kaola ingin memohon pencerahan mengenai perkara tersebut.

Seterusnya, kaola merujuk kepada Tajuk SE12A Jabatan Bomba dan Penyelamat. Pengurusan Aset dengan jumlah peruntukan \$3.1 juta ini berkaitan dengan petunjuk prestasi utama. Peratus persediaan kenderaan bomba bagi operasi kecemasan. Apakah peruntukan ini dapat digunakan untuk memantapkan kapasiti aset-aset Jabatan Bomba bagi tujuan operasi kecemasan?

Sekian terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan warga kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya di atas usaha-usaha sebelum ini dan di masa akan datang.

Insya Allah beberapa soalan dan usulan kaola ini akan dapat diterima dan diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan seterusnya.

Yang pertama Tajuk SE02A, SE03A dan SE04A. Iaitu lembaga-lembaga bandaran dan daerah-daerah seluruh negara. Kaola ingin membangkitkan mengenai dengan peruntukan bagi membina projek-projek pembinaan di kesemua kawasan bandaran dan daerah. Merujuk Tajuk berkenaan, tidak ada peruntukan ditetapkan di bawah tajuk-tajuk ini.

Soalan kaola, apakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam merangka pembangunan di dalam kawasan bandaran dan daerah khusus bagi tanah-tanah yang digazetkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah peluang-peluang akan dibukakan kepada sektor swasta untuk melabur sepenuhnya bagi membangun kawasan-kawasan tersebut?

Yang kedua, Tajuk SE10A. Kod 1209018 iaitu projek menaik taraf pos-pos kawalan imigresen darat. Kaola mohon pencerahan lebih lanjut lagi mengenai dengan kerja-kerja penaik tarafan ini, memandangkan majoriti yang melalui

sempadan darat ialah orang Brunei sendiri iaitu ada yang melawat saudara mara dan majoritinya berkunjung ke negara jiran untuk bercuti, berbelanja.

Yang ketiga ialah kaola ingin membangkitkan mengenai isu-isu kedai-kedai runcit yang *diconquer* oleh warga asing. Kaola difahamkan yang kedai-kedai runcit ini dijalankan atas tanah yang bersyaratkan perumahan dan perniagaan sampingan khusus untuk diusahakan oleh warga tempatan.

Dalam beberapa bulan ini, kaola dan rakan-rakan ada membuat peninjauan sepanjang beberapa jalan di negara ini dan memasuki kedai-kedai runcit masa *shopping*, kaola mendapati rata-rata yang menjaga kedai adalah warga asing termasuk yang menjadi juruwang dan juru jual.

Ini adalah dapatan kaola berdasarkan peninjauan *on the ground* yang kaola dan rakan-rakan lakukan ada ke atas kedai yang kaola masuki sahaja. Dengan dapatan ini, ia menunjukkan majoriti yang menjaga kedai runcit adalah warga asing.

Kaola musykil dengan perkara ini dan tertanya-tanya kenapa *quota* bagi warga asing ini diberi dan diluluskan walhal yang sepatutnya menjalankan perniagaan kedai runcit ialah orang kitani dan sepatutnya majoriti pekerjaannya adalah orang kitani jua.

Yang menyedihkan jua, baru-baru ini ada kaola terima promo salah sebuah kedai

runcit ini melalui video yang dibuat oleh warga asing dan musik dan lagunya pun berentak *Bollywood*. Mengambil kira isu ini, kaola sarankan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menjalankan *on the ground study* yang terperinci mengenai dengan operasi-operasi semua kedai runcit yang ada di negara ini. Kaola percaya dapatan-dapatan daripadanya nanti akan dapat merungkai perkara-perkara yang boleh membantu negara dalam memastikan kedai runcit ini dikendalikan dan dijaga majoritinya oleh warga tempatan.

Dan yang terakhir ialah kaola ingin menyentuh mengenai dengan taraf kewarganegaraan di negara ini dan bagaimana mereka boleh membantu dalam sama-sama membangun ekonomi negara.

Izinkan kaola meninjau sedikit mengenai dengan perubahan demografi penduduk negara ini. Menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kadar pertumbuhan penduduk Brunei diunjurkan hanya 0.70% pada tahun 2025. Angka ini termasuk sebahagian besar penduduk asing. Petunjuk Utama 2023 menunjukkan jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam ialah 450,500 orang yang terdiri daripada 76% 342,380 adalah Warganegara, 5.8% 26,129 Penduduk Tetap dan 18.2% 81,191 Penduduk Sementara terutamanya pekerja asing dan keluarga mereka. Kadar penggantian kelahiran adalah 2.1% menunjukkan bahawa Brunei tidak menggantikan penduduknya dan sedang menuju ke arah pertumbuhan penduduk

yang negatif. Petunjuk 2023 juga menunjukkan bahawa 7% penduduk berumur lebih dari 65 tahun. Jadinya dengan gabungan kadar kelahiran yang menurun dan penjagaan perubatan yang lebih baik, bermakna menjelang 2050 kira-kira 20% penduduk akan berumur lebih dari 65 tahun. Perubahan demografik ini akan membebankan kewangan negara dalam masa terdekat.

Brunei kekurangan jisim penduduk kritikal yang diperlukan untuk pertumbuhan mampan seperti yang dikongsikan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, jumlah warga asing dalam perangkaan Jabatan Buruh berjumlah 75,402 orang pada tahun 2023. Jumlah ini tidak termasuk perkhidmatan persendirian, *domestic helpers* yang dianggarkan berjumlah 13,000 pada tahun 2024.

Dengan kemasukan warga asing yang majoritinya mereka yang bekerja di peringkat bawahan dan kekurangan jisim penduduk kritikal ini, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai perancangan untuk menggubal dasar yang menjurus kepada mempertingkatkan lagi jumlah penduduk di negara ini? Adakah dalam pemikiran pihak kementerian untuk menggalakkan dasar Brunei *as a second home* khusus bagi warga asing yang terdiri dari pelabur, ahli perniagaan dan profesional dengan memastikan fabrik sosial kita tetap utuh dipandu oleh prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja?

Kaola percaya keseimbangan akan dapat dicapai untuk pembangunan ekonomi

negara yang mampan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih di atas peluang membahaskan belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola mengharapkan agar apa-apa yang dirancang dapat dilaksana dengan jayanya insya-Allah.

Kaola merujuk kepada Tajuk SE05A - Jabatan Buruh, Kod 002/000: Pengambilan Pekerja Asing. Kaola menyambut baik berkenaan dengan pendirian Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri motifasikan beberapa konvensyen asas Pertubuhan Buruh Antarabangsa, ILO antara lainnya *Commissioner Framework for Occupational Safety and Health Convention, 2006*. Nombor 182 di Persidangan Buruh Antarabangsa Ke-112 pada tahun 2024, yang mana Jabatan Buruh telah mengemaskinikan pelaksanaan dasar insuran perubatan pekerja imigran yang bertujuan untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan pekerja secara keseluruhan. Dan kaola difahamkan ianya akan dilaksanakan secara berfasa bermula 1 Julai 2025 dan 1 Januari 2026 untuk fasa kedua.

Namun pada itu, kaola mengharapkan agar perubahan dasar pekerja imigran ini juga mengambil kira beberapa aspek yang mungkin memberi kesan beban kepada kos tambahan yang ditanggung oleh majikan, peningkatan kos insuran, beban kepada pekerja jika dikenakan potongan gaji, beban kepada pekerja di sektor tidak formal dan kesan terhadap perniagaan yang beroperasi dengan *margin* yang kecil. Memandangkan kos ketika ini bagi mendatangkan pekerja asing adalah meningkat. Mungkin ada *pro and cons* yang perlu diteliti sebelum ianya dilaksanakan. Mohon pencerahan mengenainya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola yang sebenarnya ingin menyentuh mengenai dengan Tajuk Bandar Seri Begawan, Pemeliharaan dan Pemulihan Aset tapi oleh kerana banyak yang sudah menyentuh maka kaola hanya ingin menyebut sedikit saja, iaitu kaola melihat Bandar Seri Begawan ini sebagai ialah sebuah ibu negara dan pada hemat kaola sebagai sebuah ibu negara mestilah ia nampak cantik, *vibrant*, teratur, bersih dan selesa untuk para pengunjung sama ada dari kawasan luar Bandar Seri Begawan mahu pun daripada negara asing. Jadi secara ringkas kaola memandang bahawa Bandar Seri Begawan perlu diperbaikilah dari segi *aesthetically*.

Yang keduanya, kaola ingin menyentuh sedikit mengenai dengan Tajuk SE05A, iaitu Jabatan Buruh - Indikator Petunjuk Prestasi Utama menunjukkan Jabatan Buruh mencapai lebih 80% secara keseluruhannya. Kaola berharap sasaran ini akan terus meningkat memandangkan peranan Jabatan Buruh adalah sangat penting terutamanya dalam salah satu petunjuk prestasi ialah di mana kes majikan mematuhi Perintah Pekerjaan 2009 dalam mana terdapat penurunan daripada tahun 2023 ke 2024, mungkin perkara ini dapat diterangkan mengapa dan bagaimana pematuhan majikan dapat ditingkatkan?

Sebagai penutup kaola ingin menyentuh sedikit mengenai keadaan di Jabatan Buruh yang setiap hari ramai datang berurusan hingga untuk menunggu giliran terpaksa ditempah dengan meletakkan fail atau folder mereka di lantai. Jadi perkara ini kaola harap dapat diurus dengan baiklah supaya anda ada situasi di mana orang yang berurusan dengan Jabatan Buruh terpaksa duduk di lantai untuk mendapat layanan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Itu saja.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar 17 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah menyuarakan berbagai-bagai hujah mengenai dengan Tajuk SE01A hingga SE12A, iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya berikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan responsnya terhadap

perbincangan yang telahpun ditimbulkan. Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas saranan-saranan dan soalan-soalan yang diajukan. Insya-Allah, peramba, kaola, saya akan menjawab sebahagian daripada soalan-soalan ini. Ada jua soalan-soalan yang diajukan adalah ada berkaitan. Jadi untuk menjawab soalan yang anu jawapan yang kaola anu ini berikan ini bukan ikut urutan ini Yang Berhormat Pengerusi.

Berkenaan dengan pembangunan semula Kampong Ayer, sebagaimana yang ditanyakan tadi iaitu dengan Harga Rancangan sejumlah \$32.8 juta adalah masih dalam penelitian untuk mereviu semula skop projek dengan memberi tumpuan kepada menaik taraf jambatan kayu utama kepada jambatan konkrit sepanjang 21.9 kilometer selaras sepertimana jua penilaian daripada Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Daerah Brunei Muara terus melaksanakan kerja-kerja pembaikan.

Untuk makluman, Jabatan Daerah Brunei Muara melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terus melaksanakan kerja-kerja pembaikan kemudahan sedia ada secara berfasa termasuk jeti dan jambatan di mana sejak tahun 2022 hingga 2024, kerja-kerja pembaikan jambatan kayu telah dilaksanakan sepanjang 7.127-kilometer dengan kos sebanyak \$815,988.00. Jadi kalau kitani nilai dilihat dari peruntukan yang di apa

dinayatakan tadi atu walaupun ia nampaknya sedikit tapi kementerian memang membagi prioriti untuk memastikan jambatan-jambatan ani di apa diusai.

Insya Allah, dalam jangka masa panjang telah dibuat penelitian dan bekerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan, iaitu melalui Jabatan Kerja Raya, anu jambatan-jambatan yang kayu ani memang sudah dibuat *research*nya dan apa untuk diusai. Jadi insya Allah ia akan dibuat secara berfasa mengikut anu kemampuan dari segi peruntukan-peruntukan yang diberikan.

Yang kedua, berkenaan dengan apa ni Jabatan Penjara jumlah kesalahan tertinggi yang ani pasal kemasukan semula pada tahun 2024 adalah kesalahan curi iaitu sebanyak 116 daripada 341 jumlah kesalahan keseluruhan.

Berdasarkan kepada laporan hasil kajian oleh *Center For Strategic dan Policy Studies*, CSPS keatas banduan-banduan yang menjalani hukuman pemenjaraan kerana melakukan jenayah curi yang diterbitkan pada tahun 2024 telah melaporkan bahawa 111 orang banduan yang ditemuduga, 53 peratus telah menyatakan bahawa keadaan ekonomi mereka seperti kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan bagi menyara hidup mereka sendiri atau keluarga dan masalah sumber kewangan telah menjadi penyebab faktor mereka untuk melakukan jenayah curi.

Jadi manakala berdasarkan perangkaan daripada Jabatan Penjara bahawa antara

faktor yang menyumbang kepada kemasukan berulang-ulang kali adalah kurang ketahanan jati diri dan ketabahan hati dalam menempuhi cabaran luar; kurang sokongan daripada ahli keluarga; terpengaruh semula dengan kawan-kawan lama dalam kegiatan tidak sehat, kelakuan atau tabiat; kesukaran mendapatkan pekerjaan; masalah sumber kewangan; ketidaksediaan masyarakat dalam menerima semula bekas banduan ke pangkuan masyarakat atau masih mempunyai stigma, prasepsi negatif terhadap bekas banduan.

Jadi insya-Allah beberapa projek ataupun perancangan telah diatur oleh Jabatan Penjara dan sedang dilaksanakan iaitu untuk membantu bekas-bekas banduan dalam memperkasa program pemulihan *in-care* sepanjang banduan berada didalam penjara dalam usaha untuk memberikan pengetahuan dalam perkara asas serta pengukuhan jati diri seorang individu.

Program pemulihan yang berjalan didalam penjara mengandungi empat komponen iaitu Pemulihan Kerohanian dan Akhlak, Pemulihan melalui Kaunseling, Program Latihan Vokasional dan Kemahiran dan Pemulihan Fizikal.

Jadi sebagaimana yang kaola pernah kongsikan dalam Kenyataan Menteri bahawa ada diantara program-program atu adalah hafazan Al-Quran sebagai untuk apa kerohanian anu banduan-banduan dan Insya Allah program yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Penjara lagi adalah untuk meningkatkan akademik bisdorang supaya nanti kalau

sudah keluar daripada penjara dan mereka boleh mendapatkan pekerjaan. Perkara ini pernah dibincangkan dengan *stakeholders-stakeholders* ataupun rakan selia-rakan selia yang berdaftar dengan Jabatan Penjara bahawa kelulusan akademik *important* adalah penting untuk memastikan dorang dapat diambil bekeraja.

Berkenaan dengan produk INSAF ani, ia berkaitan dengan penjara memang objektif produk INSAF ani adalah untuk memberikan banduan-banduan kemahiran vokasional bagi memastikan kesiapsiagaan banduan untuk menjalani kehidupan selepas dibebaskan. Hasil produk-produk INSAF ani tidak diberikan kepada banduan, hasil penjualan produk banduan INSAF ani akan menjadi hasil kepada Jabatan Penjara. Bagaimanapun bagi banduan-banduan yang mengikuti Program Vokasional ini akan dibayar gaji yang mana pendapatan yang diperolehi oleh banduan ani akan dikumpulkan untuk keperluan banduan-banduan selepas bebas nanti dan tertakluk juga kepada banduan-banduan itu sendiri yang gaji mereka terkumpul boleh diserahkan kepada ahli keluarga mereka. Jumlah hasil jualan produk-produk 2024 sahaja adalah \$6 ribu sahaja. Walaubagaimanapun kemahiran adalah penting dalam memastikan kesiapsiagaan banduan-banduan ani setelah keluar daripada pemenjaraan.

Berkenaan dengan isu bajet tanah susur ani, bajet yang diperuntukan atau peruntukan bagi mengusai tanah susur adalah di bawah Kementerian Kewangan

dan Ekonomi II iaitu dengan kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya.

Walau bagaimanapun, kementerian ini ada juga diberikan peruntukan di bawah tajuk SE01 A0010012115 - Bantuan Geran Subsidi dan Pemindahan, berjumlah \$433,810 bagi Tahun Kewangan 2025/2026 untuk tujuan yang berkaitan. Peruntukan di bawah kementerian ini digunakan bagi operasi dan aktiviti bagi menangani bencana antaranya pembelian kelengkapan untuk para petindak bagi melaksanakan operasi bencana seperti kanvas, pam perahu dan sebagainya.

Keperluan-keperluan ini akan digunakan oleh para petindak bagi memberikan 64erkhidmatan yagn diperlukan dalam membantu mangsa atau penduduk yang terjejas bencana seperti banjir, tanah susur dan sebagainya. Ini juga termasuk bagi persediaan bagi Pusat Pemindahan Sementara iaitu PPSe. Berkenaan dengan isu ataupun yang dibangkitkan dengan Pusat Pemindahan Sementara ani alhamdulillah dengan kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya beberapa bangunan-bangunan kosong telah dikenalpasti untuk diusai atau dinaiktaraf bagi penempatan sementara jika ianya diperlukan.

Berkenaan dengan Jabatan Bomba pada masani Jabatan Bomba memiliki 107 buah jentera kenderaan serta 12 buah perahu boat atau perahu yang digunakan dalam operasi menangani pelbagai situasi kecemasan. Secara purata setiap Balai Bomba iaitu 24 Balai Bomba diseluruh negara mempunyai sekurang-

kurangnya 2 buah jentera yang digunakan untuk menghadiri panggilan kecemasan semasa kebakaran rumah, kemalangan jalan raya dan operasi mencari dan menyelamatkan, *search and rescue*.

Projek untuk memastikan kapasiti aset-aset Jabatan Bomba ini dari segi *readiness*-nya adalah meningkat. Alhamdulillah sebagaimana yang kaola pernah terangkan dalam Mesyuarat yang Ke-20, Projek Pajak Sewa sebanyak 30 buah jentera berat bomba iaitu *water tender ladder* yang baru bagi tempoh 20 tahun telah ditandatangani pada 20 April 2023 diantara pihak kerajaan dengan Brunei Engineering *Logistic and Training Solutions, BELTS*.

Jentera ini akan menggantikan jentera-jentera lama yang telah uzur dan tidak beroperasi secara *optimum*. Melalui kaedah pajak sewa ini tahap kesiapsiagaan ataupun *serviceability rate* dapat dijamin pada tahap seratus peratus, sekaligus menggalakkan masalah *downtime* akibat penyelenggaraan dan kerosakan.

Bagi Fasa Pertama sebanyak 10 buah jentera dijadualkan dibekalkan pada bulan Oktober 2025 manakala baki selebihnya akan dibekalkan secara berperingkat dalam tahun-tahun berikutnya. Selain itu, Projek Penggantian Pili Bomba sedang giat dilaksanakan bagi memastikan sumber air yang mencukupi untuk operasi pemadaman. Sejumlah 700 pili bomba telah dikenalpasti untuk diganti dan Alhamdulillah pada Tahun Kewangan

2024/2025 sebanyak 350 telah diganti dan selebihnya akan diganti dalam masa Tahun Kewangan yang akan datang.

Bagi memperkukuhkan keupayaan operasi, peruntukan juga digunakan untuk pembelian peralatan kecemasan yang penting bagi tugas penyelamatan dan pemadaman kebakaran. Peralatan seperti pam mudah alih, hos *nozzle* dan *breathing apparatus* akan terus dibekalkan dari masa ke semasa.

Di samping itu sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan keselamatan komuniti, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mengagihkan 6 Unit Peralatan Pemadam Api kepada Ketua Kampong atau Ketua Rumah Panjang di beberapa lokasi. Inisiatif ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

Di samping itu jua di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang ke-12, Jabatan Bomba dan Penyelamat juga telah mendapati perolehan sebanyak 4 buah jentera tindak pantas, *Light Fire Attack Vehicle, LFAV*. Jentera ini direka khusus untuk bertindak balas dengan lebih pantas dalam pelbagai situasi kecemasan termasuk di kawasan yang sukar di akses oleh jentera bomba konvensional. Dengan reka bentuk yang lebih ringan dan fleksibel, LFAV akan mempercepatkan masa bertindak dan meningkatkan keberkesanan operasi penyelamatan serta pemadaman kebakaran.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Jabatan Buruh, sukacita kaola membetulkan sedikit apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat

Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan bahawa *Convention Promotional Framework for Occupational Safety and Health Convention*, 2006 ianya adalah *Convention* 187 bukan 182.

Berhubungan dengan dasar perlindungan insurans sepertimana yang mana telah kaola kongsiikan di dalam Ulasan Menteri, bahawa ianya membantu pihak kerajaan dalam memastikan perlindungan sosial yang lebih baik kepada pekerja asing dan mengurangkan beban kewangan majikan sejajar dalam usaha negara dalam meningkatkan kesejahteraan tenaga kerja yang mana ianya dikenakan bagi semua sektor swasta dalam *formal sector* sahaja. Untuk maklumat berdasarkan daripada maklumat Jabatan Buruh, setakat ini tiada *formal sector* yang menghadapkan permohonan untuk LPA iaitu untuk mendatangkan pekerja asing dan jua pada masa ini *coverage insurance* yang pada masa ini minimanya adalah \$10 ribu untuk setahun, walau bagaimanapun dengan adanya dasar insurans pekerja asing yang baharu ini, ianya akan meningkat kepada \$100 ribu meningkat bagi tempoh 2 tahun sekaligus.

Ani jua akan menyifatkan atau membantu pihak kerajaan dalam menangani isu-isu tunggakan ataupun *medical bills*. Untuk insurans untuk projek imigran ini ianya hendaklah dibeli dan dibiayai oleh majikan sendiri. Jika majikan didapati membuat potongan gaji pekerja untuk tujuan pembayaran insurans, mereka boleh dikenakan denda kompaun sebanyak \$1 ribu bagi setiap

kesalahan atau boleh didakwa di mahkamah jika sabit kesalahan hukuman yang dikenakan adalah denda sebanyak \$2 ribu atau hukum penjara tidak kurang dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Kesalahan ini diperuntukan di bawah Bab 113A (3) di bawah Akta Pekerjaan Penggal 278.

Um, berkenaan dengan Sistem INRS, Alhamdulillah, pada masa ini memang sistem-sistem yang ada dalam *Immigration National Registration System majority* 80 lebih peratus adalah 100% kesiapannya masa ini digunakan dan ada sebahagian sistem-sistem di *test* yang nampak kitani lihat sistem yang digunakan pada masa ini 100% adalah *National Level Management System* dan jua *System IC* ada juga dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berkenaan dengan kaunter-kaunter di Jabatan Buruh.

Untuk makluman, kaunter-kaunter di Jabatan Buruh itu adalah bukan untuk memproses permohonan Jabatan Buruh malah ianya memproses untuk pas-pas pekerja yang mana dipindahkan dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan kepada Jabatan Buruh.

Jadi semua kaunter-kaunter yang digunakan oleh Jabatan Buruh ini telah digunapakai oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan insya-Allah dalam jangka masa panjang perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah untuk memperkenalkan *one stop counter*

di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan iaitu dengan *meutilise* sistem-sistem yang ada dibuat pada masa ini. Insya Allah soalan-soalan yang kaola anda sempat menjawab kaola akan menjawab secara bertulis, Yang Berhormat Pengerusi.

Atu saja daripada kaola. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ingatan bahawa mana-mana soalan yang tidak sempat dijawabnya dan perlu dijawabnya, insya-Allah akan dijawabnya secara bertulis kemudian. Saya kira masa sudahnya sampai bagi kitani untuk mengundi bagi tajuk ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Tajuk, apa namanya ni, SE01A hingga SE12A, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Maka Tajuk SE01A hingga SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SE01A hingga SE12A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya waktu sudah berlalu begitu cepat. Maka saya kira adalah cukup bagi kita untuk berunding pada hari ini dan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita akan bersidang

semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukup sudah kita berunding dan bersidang pada hari ini. Saya cadangkan supaya mesyuarat kita ini ditangguhkan, Insya Allah kita akan bersidang semula pada keesokan harinya iaitu hari Khamis, 13 Mac 2025 sebagaimana lazim mulai daripada jam 9.30 pagi. Sekian, Wabillahi tawfik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)